

Info



Media Komunikasi Maktab Koperasi Malaysia
Bil.2/2012 ISSN 0127-1032

Pusat Latihan Koperasi No. **1** di Malaysia



Penyerahan Kad Diskaun
Siswa 1Malaysia



Konvensyen Transformasi
Modal Insan



GRADUAN SULUNG
MKM-UUM

Terima Ijazah



Eksklusif

- 4 Menelusuri Arus dan Pendidikan Negara
- 6 43 Graduan Sulung MKM-UUM Terima Ijazah
- 8 Konvensyen Transformasi Modal Insan Koperasi: Modal Insan Kompeten, Menjana Ekonomi Negara
- 11 Majlis Ramah Mesra Bersama YB Menteri dan Sambutan Aidilfitri 2012 Serta Majlis Penyerahan KADS1M

Pelawat

- 12 Lawatan Delegasi Vietnam ke MKM
- 12 Lawatan Delegasi dari "Ministry of Local Government & Cooperative, Bangladesh
- 13 Lawatan dari Koperasi Kakitangan Kerajaan Terengganu Berhad (KOKITAB)

Fokus

- 14 Majlis Taklimat Promosi Program Latihan MKM 2013 di Kelantan
- 16 Penjenamaan Semula Kursus IT di MKM
- 17 Pembentangan Penyelidikan "Computer Literacy Among Board Members & Employees of Co-operatives in Malaysia"

Jaringan

- 18 Program Latihan : 12th ICA Regional Workshop for Managers on "Management of Consumer Co-operatives in Asia-Pacific"

Perspektif

- 20 Kepimpinan 360°: Mencetus Transformasi Kepimpinan Koperasi
- 22 Bicara Tokoh: Pengukuhan Rantaian Perniagaan Runcit Koperasi. Pemborongan Merentasi Sempadan Satu Alternatif, Membuka Dimensi Baru Dalam Industri Peruncitan & Pemborongan Koperasi di Malaysia
- 24 Bicara Eksekutif Keselamatan Transaksi Online : Isu dan Pencegahan

Berita Kakitangan

- 25 Majlis Sekalung Budi Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia (MKM)
- 26 Bengkel Training of Trainers (TOT) Kursus Wajib 1 : Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi
- 27 Majlis Sambutan Program Qurban Bersama Anak Yatim dan Pelajar Kafa Integrasi Al-Insaniah
- 28 The 2nd ICA-JAPAN Training Course on Revitalization of Local Community by Rural Women Program Latihan di Jepun pada 16 Julai hingga 1 Ogos 2012
- 30 Seminar : "Sektor Pertanian : Transformasi dan HalaTuju Koperasi "

Berita Cawangan

- 32 Seminar Sinergi dalam Pembentukan Generasi Baru Koperasi
- 34 Latihan & Pendidikan Koperasi Diperkasa Bukan Dipaksa
- 36 Kunjungan Takziah MKM CS untuk Bekas Pelajar DPK Sesi Jun 2009

Buletin Pelajar

- 37 Persembahan Amal: Teater Muzikal Istikharah Cinta
- 38 Program "Team Building" Pemimpin Pelajar MKM
- 40 Program Kursus Motivasi Pelajar Diploma Pengurusan Koperasi Semester 3 dan 5
- 41 Ceramah Kesihatan : Bahaya AIDS dan HIV
- 42 Seminar Pelajar : "Menjejak Kecemerlangan"
- 43 Program Titian Kasih

Galeri

Koleksi Gambar

44

SIDANG EDITORIAL

PENASIHAT

Tn. Hj. Idris Ismail

Ketua Pengarah

KETUA EDITOR

Hjh Julia Bee Ramjan

Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan

EDITOR

Cik Wani Syahira Abd. Wahid

Pegawai Penerangan

WAKIL PUSAT & UNIT

Pn. Ayu Diana Awang

Pusat Antarabangsa & Pendidikan Tinggi (Antarabangsa)

En. Mohd Fathullah Mohd Aznam

Pusat Keusahawanan Koperasi & Peruncitan (ReCEnt)

Pn. Rohalinda Ahad

Pusat Pentadbiran, Perundangan & Kepimpinan Koperasi (CALL)

Pn. Juliana Md Yusof

Pusat Perakaunan & Kewangan (ACTIF)

Pn. Sharifah Shuzaida Saedin

Pusat Konsultasi Koperasi (KONSULTASI)

Cik Zaharatul Laili Zakaria

Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (R&I)

Pn. Hamidah Mohd Jos

Unit Sumber Manusia (USM)

Pn. Afiza Abd Karim

Unit Komunikasi Korporat & Tadbiran Akademik (UKKTA)

Pn. Sharepah Nur Azirah Shareh Abd Rahman

JURUFOTO

En. Mohd Norhisyam Md Daud

Dari Meja KETUA EDITOR

Salam pembuka bicara,

Kami warga INFO mengharapkan kesejahteraan dan kegembiraan buat anda dalam menjalani aktiviti seharian. Pejam celik, nampaknya kita sudah melangkah ke tahun baru 2013. Tanpa disedari begitu cepat masa berlalu. Bagi yang sentiasa mengikuti perkembangan INFO, pasti anda sudah melalui pelbagai pembaharuan demi pembaharuan berkaitan Maktab Koperasi Malaysia.

Melalui keluaran INFO kali ini, kami bawakan anda suasana kemeriahan Majlis Konvokesyen MKM-UUM yang menyaksikan 43 graduan MKM-UUM yang menerima ijazah sulung dalam Majlis Konvokesyen UUM Ke-25 bertempat di Dewan Muad'zam Shah, Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah. Dalam upacara gilang-gemilang ini, Cik Wan Noor Hafizah bt Wan Ahmad telah dinobatkan sebagai pelajar terbaik MKM dengan kejayaannya memperoleh Ijazah kelas pertama.

Seiring dengan perkembangan teknologi yang bergerak pantas menongkah zaman, MKM sememangnya tidak pernah ketinggalan dalam mencari jalan untuk meningkatkan pengetahuan berkaitan teknologi terkini seperti penggunaan aplikasi komputer dalam pendidikan. Segmen fokus kali ini menyajikan anda dengan pembentangan penyelidikan bertajuk "Computer Literacy Among Board Members & Employees of Co-operatives in Malaysia" bertempat di Beijing, China.

"Harta akan habis digunakan tanpa ilmu tapi sebaliknya ilmu akan berkembang jika ia diguna dan dikongsikan bersama". Maka bertitik tolak dari situ, segmen jaringan kali ini mengupas mengenai Program Latihan : 12th ICA Regional Workshop for Managers of Consumer Co-operatives in Asia-Pacific yang berlangsung di Pusat Latihan Fair Prize, Singapura. Program yang bermatlamatkan perkongsian ilmu dan jalinan kerjasama mengenai model sejarah dan kejayaan pengurusan perniagaan NTUC Fair Price Ltd ini turut dihadiri oleh pegawai dari MKM.

Saban tahun, MKM menganjurkan program bicara eksekutif. Justeru pada tahun ini Pusat Pentadbiran, Perundangan dan Kepimpinan Koperasi (CALL) telah menjadi tuan rumah program tersebut yang bertajuk "Kepimpinan 360° : Mencetus Transformasi Kepimpinan Koperasi". Program tersebut dilaksanakan bagi menyahut seruan YAB Perdana Menteri Malaysia dalam menyuarakan idea transformasi untuk kesejahteraan rakyat Malaysia.

Akhirulkalim, saya mengharapkan agar anda mendapat manfaat dan pengetahuan mengenai koperasi melalui paparan INFO kali ini. Diharapkan usaha yang dilakukan oleh MKM dapat melahirkan koperator-koperator yang berilmu sekaligus menjadikan koperasi penggerak ekonomi negara menjelang era 2020.

Sekian,

Hjh. Julia Bee Bt Ramjan

MAKTAB KOPI

Agensi di bawah Kementerian Perdagangan

103 Jalan Templer 46700, Petaling Jaya, Selangor

No. 7

MENYELUSURI ARUS PENDIDIKAN DAN LATIHAN NEGARA

Penghujung tahun 2012 melihat pelbagai cerita suka dan duka. Sebelum melabuhkan tirai tahun 2012, kita dapat menyaksikan kesungguhan warga MKM untuk memartabatkan institusi ini sebagai institusi pendidikan koperasi bertaraf dunia. Keluaran info kali ini menitikberatkan kepentingan dan aktiviti yang berkaitan pendidikan dan latihan yang dianjurkan oleh MKM.

Pelbagai program pendidikan dan latihan dilaksanakan ke arah mencapai negara maju menjelang tahun 2020. Memang tidak dinafikan lagi, bidang pendidikan dan latihan menjadi agenda utama negara. Kerajaan menyedari pelaburan dalam bidang tersebut memberi sumbangan yang menguntungkan kepada pembangunan dan kemakmuran rakyat serta negara. Rasionalnya dalam pembentangan bajet 2013 yang lepas, memperkasakan bidang pendidikan dan latihan menjadi fokus utama pembangunan negara. Ini menjadikan sektor pendidikan dan latihan lebih bervariasi. Berpacu kepada soal modal insan, kreativiti dan inovasi, program pendidikan dan latihan yang dicanang oleh kerajaan bertepatan dengan kehendak keperluan industri negara dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berpendapatan tinggi. Kerajaan telah melancarkan Graduate Employability Blueprint pada penghujung tahun 2012 yang bertujuan untuk memperkukuhkan kebolehpasaran graduan dan bidang kerjaya. Ini sebagai satu langkah untuk memperkasakan bidang latihan dan pendidikan negara.

Kita pernah mendengar orang tua-tua berkata 'belajarlah ilmu itu dari buaian sampai ke liang lahad'. Ini menunjukkan bahawa ilmu itu teramat penting dalam fenomena kehidupan masa kini. Malaysia memandang serius terhadap perkara tersebut. Kerajaan telah mengatur langkah yang proaktif untuk terus maju dan berdaya saing. Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) adalah agenda utama negara meliputi semua

“ Kita pernah mendengar orang tua-tua berkata ‘belajarlah ilmu itu dari buaian sampai ke liang lahad’. Ini menunjukkan bahawa ilmu itu teramat penting dalam fenomena kehidupan masa kini ”

ERASI MALAYSIA

gangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

o.Tel: 603-79649000 No Faksimili: 603- 79570434 Emel: mkm@mkm.edu.my

peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, prauniversiti dan seterusnya pengajian tinggi. Malah PSH merupakan tonggak ketiga dalam pembangunan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Selain itu, pendidikan bukan sahaja membangkitkan potensi individual, malah pendidikan juga menjadi pemangkin kepada kehidupan yang lestari

Menyedari hakikat ini, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) selaku agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) memandang serius terhadap bidang pendidikan dan latihan koperasi di Malaysia. Tanggungjawab MKM dalam menyediakan pendidikan dan latihan koperasi amat penting dalam pembangunan ekonomi sektor koperasi, selaras dengan objektif Dasar Koperasi Negara (DKN). Antara teras strategi dalam DKN ialah mewujudkan dan meningkatkan modal insan koperasi. Pelaksanaan yang dijalankan ialah berpemikiran kreatif, inovasi dan berbudaya usahawan, profesional dalam bidang pengurusan, penguasaan ilmu berkoperasi dan pembelajaran berterusan. Ini menunjukkan betapa pentingnya pendidikan koperasi di Malaysia. MKM telah mengambil langkah yang wajar dalam merealisasikan objektif tersebut.

Program berbentuk pendidikan dan latihan yang dijalankan oleh MKM meliputi program latihan jangka pendek dan program latihan jangka panjang. Program latihan jangka pendek yang dilaksanakan melibatkan kursus, seminar, bicara tokoh dan bicara profesional. Manakala program latihan jangka panjang pula terdiri daripada program diploma dan ijazah yang dikelolakan oleh MKM dengan kerjasama IPTA dan IPTS tempatan. Kebolehpasaran graduan MKM memang tidak boleh dinafikan lagi sejajar dengan perkembangan pesat bidang koperasi di negara ini. Sekali lagi, MKM menyambut baik langkah yang dilakukan oleh kerajaan dalam bidang pendidikan dan kemahiran.

MKM akan mengorak langkah setapak ke hadapan dalam bidang pendidikan dan latihan koperasi. Diharapkan usaha yang dilakukan oleh MKM dapat melahirkan koperator-koperator yang berilmu sekaligus menjadikan koperasi penggerak ekonomi negara menjelang tahun 2020. Sirna 2012 menjadi penanda aras untuk MKM menempuh sinar 2013 dengan harapan bidang koperasi terus maju dan gemilang. Kecemerlangan Latihan Dan Pendidikan Koperasi, Teras Pembangunan Negara. -Mohd Khairul Bin Abdul Rasid

...Tanggungjawab MKM dalam menyediakan pendidikan dan latihan koperasi amat penting dalam pembangunan ekonomi sektor koperasi, selaras dengan objektif Dasar Koperasi Negara (DKN). Antara teras strategi dalam DKN ialah mewujudkan dan meningkatkan modal insan koperasi. Pelaksanaan yang dijalankan ialah berpemikiran kreatif, inovasi dan berbudaya usahawan, profesional dalam bidang pengurusan, penguasaan ilmu berkoperasi dan pembelajaran berterusan...



43 GRADUAN SULUNG MKM-UUM *Terima Ijazah*

Seramai 43 graduan sulung Maktab Koperasi Malaysia telah menerima ijazah dalam Pentadbiran Perniagaan Pengkhususan Pengurusan Koperasi MKM-UUM 2012 pada Majlis Konvokesyen yang ke-25 di Dewan Mu'adzam Shah Universiti Utara Malaysia (UUM).

Mereka telah menerima ijazah tersebut bersama-sama dengan 7,669 graduan lain dalam pelbagai bidang. Majlis Konvokesyen tersebut telah berlangsung pada 6 hingga 10 Oktober 2012 yang bermula dengan pengisytiharan Majlis Konvokesyen oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah pada 18 September 2012.

Majlis tersebut diadakan dalam sembilan sesi dan graduan dari Maktab Koperasi Malaysia telah menerima ijazah masing-masing pada sesi ke-5 iaitu pada hari Isnin bersamaan 8 Oktober 2012. Mereka telah menerima ijazah tersebut daripada Pro-Canselor UUM Tunku Puteri Intan Safinaz bersama-sama dengan 42 graduan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Risiko dan Insurans, 776 graduan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dan 300 graduan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi.

Selain itu, seorang graduan dari Maktab Koperasi Malaysia berjaya memperoleh Ijazah kelas pertama dan seramai 25 orang graduan berjaya mendapat Ijazah kelas kedua atas dan 17 orang graduan mendapat Ijazah kelas kedua bawah.

Graduan terbaik yang berjaya mendapat Ijazah kelas pertama bagi Program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan MKM-UUM ialah Cik Wan Noor Hafizah binti Wan Ahmad. Beliau kini sedang berkhidmat di

Lembaga Hasil Dalam Negeri berharap agar semua ilmu yang dipelajari akan dapat diaplikasikan dalam menempuh alam pekerjaan. Anak kelahiran Perlis itu memberitahu, sebagai graduan perintis bagi program Pentadbiran Perniagaan Pengkhususan Pengurusan Koperasi ini, beliau sangat bersyukur kerana berpeluang melanjutkan pelajaran di Maktab Koperasi Malaysia dan sekali gus berjaya menjadi graduan terbaik program tersebut. Beliau berharap lebih ramai pelajar akan memilih program seumpama ini yang membuka peluang kepada generasi muda untuk membina kerjaya di sektor koperasi.

Sementara itu, rakannya En.Mohd Hamzah Kasim berkata sepanjang tiga tahun mengikuti program tersebut memberikannya banyak pengalaman dan ilmu mengenai pentadbiran perniagaan dan koperasi. Sebelum ini En.Mohd Hamzah juga merupakan graduan lepasan program Diploma Pengurusan Koperasi dari Maktab Koperasi Malaysia. Beliau yang kini sedang berkhidmat sebagai Pegawai Latihan di Maktab Koperasi Malaysia berharap akan dapat membantu melahirkan lebih ramai lagi warga kerja koperasi yang kompeten yang mana dapat membantu menggerakkan koperasi masing-masing ke arah mencapai pendapatan yang lebih baik lagi.

Meskipun MKM merupakan satu-satunya institusi pendidikan yang menawarkan diploma dan ijazah dalam bidang pengkhususan koperasi tetapi ia mampu melahirkan graduan-graduan yang cemerlang dan dapat menembusi pasaran pekerjaan dengan lebih cerah kerana terdapat lebih sembilan ribu tujuh ratus koperasi di Malaysia yang memerlukan tenaga profesional untuk



Sebahagian graduan bersama dengan Penyelaras BBA bagi sesi Dis 2008



Para graduan bergambar kenangan bersama-sama dengan Pengarah Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi, MKM

menguruskan dan mentadbir koperasi. Secara purata bilangan koperasi ini pula bertambah sebanyak 1000 koperasi setiap tahun.

Hal ini terbukti menerusi Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020 yang mensasarkan sektor koperasi dapat memberi sumbangan yang signifikan kepada KDNK Negara menjelang 2020 akan dapat dicapai dengan lahirnya lebih ramai lagi graduan dalam bidang perkoperasian yang berdaya saing dan kompeten memasuki pasaran pekerjaan dalam gerakan koperasi untuk bertindak sebagai agen perubahan koperasi.

Di samping itu, MKM yang merupakan salah satunya agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan merupakan satu-satunya institusi pendidikan koperasi di Malaysia sedang berusaha keras dalam menawarkan pelbagai program pendidikan koperasi bagi mendedahkan kepada masyarakat tentang pentingnya sektor koperasi sebagai penyumbang ketiga negara. Antara program yang ditawarkan ialah 500 kursus jangka pendek dan jangka panjang setiap tahun. Program jangka panjang yang ditawarkan ialah Sijil Pengurusan Koperasi, Diploma Pengurusan Koperasi, Diploma Profesional Pengauditan Koperasi dan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Pengkhususan Pengurusan Koperasi.

MKM melangkah setapak lagi bagi memperkenalkan bidang koperasi kepada masyarakat dengan mewujudkan pembelajaran secara online melalui kerjasama MKM-OUM. Melalui pembelajaran secara online ini dapat memudahkan individu yang berminat dalam bidang koperasi tanpa meninggalkan pekerjaan mereka. Di samping dapat menjalankan tugas, individu tersebut dapat menambahkan ilmu pengetahuan menerusi pembelajaran secara online. Hal ini dapat memudahkan urusan dan menjimatkan masa. Program yang ditawarkan oleh MKM ini adalah terbuka kepada pemimpin koperasi, kakitangan koperasi, pegawai agensi yang menyelia koperasi dan orang ramai yang berminat untuk menceburi bidang koperasi. -*Nazirah Baharudin*

Pelajar Terbaik MKM-UUM Oktober 2012



Wan Noor Hafizah Binti Wan Ahmad



Konvensyen


Transformasi Modal Insan Koperasi: Modal Insan Kompeten, Menjana Ekonomi Negara

Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah mengadakan program Konvensyen Transformasi Modal Insan Koperasi yang bertemakan Modal Insan Kompeten, Menjana Ekonomi Negara pada 26 hingga 28 November 2012 bertempat di Sunway Pyramid Convention Centre, Petaling Jaya, Selangor. Program ini dirasmikan oleh YBhg. Dato' Saripuddin Kasim, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Konvensyen tiga hari dua malam ini dihadiri oleh seramai 850 peserta.

Antara objektif konvensyen ini adalah untuk:

- Mengenal pasti peranan penggerak koperasi dalam menangani isu semasa modal insan koperasi.
- Menyediakan platform interaksi antara pembuat dasar, para penyelidik dan koperator serta masyarakat dalam membincangkan isu pembangunan modal insan koperasi.
- Meningkatkan maklumat dan pengetahuan berkaitan pembangunan modal insan koperasi semasa.
- Menghasilkan satu resolusi ke arah melahirkan modal insan koperasi yang kompeten.

Manakala sasaran peserta pula terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD), Jawatankuasa Kecil, kakitangan koperasi, anggota koperasi dan pegawai agensi yang menyelia koperasi di seluruh Malaysia.



Ketua Pengarah MKM, (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Prof Dr.Mansor Fadzil (kanan)



Pembentangan kertas kerja oleh Timbalan Ketua Pengarah (Akademik), MKM

Konvensyen yang diakhiri dengan sesi panel forum ini telah lengkap dengan lapan sesi pembentangan kertas kerja oleh pakar dalam bidang masing-masing iaitu:

Bil	Pembentang	Tajuk Kertas Kerja
1	Tan Sri Muhammad Ali Hashim Presiden, Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM)	Pengurusan Ekonomi Strategik Koperasi Melalui Modal Insan Kompeten
2	Tn. Hj. Ahmad Murshid bin Abu, Pengurus Unit Inovasi Organisasi, Jabatan Inovasi Enterpris MPC	Membangun Kompetensi Modal Insan Koperasi melalui Kreativiti dan Inovasi
3	En. Hasrin bin Abu Hassan Pegawai Latihan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, MKM	Penilaian Kompetensi Lembaga: Kaedah Transformasi The Co-operative Group Limited United Kingdom
4	Pn. Norwatim Abd. Latiff Timbalan Ketua Pengarah Akademik, Maktab Koperasi Malaysia	Transformasi Modal Insan Koperasi : Peranan MKM
5	Mohammad Zamri Hj. Yaacob, Setiausaha Eksekutif ANGKASA	Peranan dan Strategi Angkasa dalam Meningkatkan kompetensi Anggota Koperasi
6	Brig. Jen Dato'Ahmad Zahudi bin Hj Salleh (Bersara) Ketua Pegawai Eksekutif, Koperasi Tentera Berhad	Membangun Kompetensi Modal Insan : Perkongsian Pengalaman Koperasi Besar dan Sederhana
7	Tn. Hj Mior Shahrin bin Mior Mohd Yusop Pengurus Besar, Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Seberang Perak Berhad	Membangun Kompetensi Modal Insan : Perkongsian Pengalaman Koperasi Besar dan Sederhana
8	Dr. Ridzuan Noor EHS Group of Companies	Keusahawanan Dalam Meningkatkan Aktiviti Perniagaan Koperasi



Penyampaian cenderahati kepada Pn. Norzeeta Mohd Ramli, Pegawai Latihan MKM (kanan)



Sesi forum



Kumpulan Bale-Bale sedang membuat persembahan pada majlis perasmian Konvensyen



Sebahagian peserta Bengkel Resolusi



Pelancaran buku Pengenalan Koperasi

Konvensyen ini turut menghasilkan resolusi bagaimana untuk menghasilkan modal insan koperasi yang kompeten. Resolusi ini terhasil dari sesi bengkel yang dihadiri oleh seramai 150 orang pengerusi dan setiausaha koperasi. Bagi memudahkan pengendalian, bengkel ini dipecahkan kepada tiga kumpulan.

Dengan berakhirnya Konvensyen Transformasi Modal Insan Koperasi ini, menjadi harapan MKM agar para peserta dapat membuka minda dan mengubah (transform) mereka menjadi lebih kompeten. Diharapkan ilmu dan pengetahuan yang diperoleh disebar di koperasi masing-masing supaya koperasi juga dapat mengubah modal insannya menjadi lebih kompeten. -Rosidah Rashid



Sesi soal jawab



Penyampaian cenderahati kepada Tan Sri Muhammad Ali Hashim (kanan)



Pendaftaran peserta

Majlis Ramah Mesra

Bersama YB. Menteri Dan Sambutan Aidilfitri 2012 Serta Majlis Penyerahan KADS1M



Sebahagian penerima KADS1M bergambar bersama YB Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob

Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) diwujudkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dengan objektif untuk membantu mengurangkan kos sara hidup pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta seluruh negara. Inisiatif ini dilaksanakan bertitik tolak daripada cadangan yang telah dibentangkan oleh wakil pelajar dalam mesyuarat Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) pada 21 November 2011 yang lalu. KADS1M diberi secara percuma kepada pelajar-pelajar IPT warganegara Malaysia yang mengikuti pengajian jangka panjang dengan tempoh pengajian satu tahun dan ke atas. KADS1M telah diedarkan kepada para pelajar IPT mulai 28 Ogos 2012 secara berperingkat-peringkat.

Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah mengadakan majlis penyampaian kad tersebut bersempena dengan "Majlis Beramah Mesra Bersama YB Menteri dan Sambutan Aidilfitri" pada 28 Ogos 2012 (Selasa) bertempat di Auditorium Dato' Abd. Majid. Majlis penyampaian kad ini telah disempurnakan



YB Menteri Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob menyampaikan KADS1M kepada Pengerusi KOPEL - Manazreen bin Mohd Jamil

oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Pelajar Program Jangka Panjang MKM seramai 489 pelajar merupakan kumpulan pertama menerima Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M).

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob melalui ucapan beliau dalam majlis berkenaan, berkata pemberian KADS1M ini dapat mengurangkan kos sara hidup harian pelajar dan membuktikan bahawa kerajaan prihatin terhadap kebajikan pelajar IPTA dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). YB Menteri turut berkata, Kementerian menjangka lebih satu juta pelajar IPTA dan IPTS bakal menikmati

kemudahan potongan harga apabila mereka membeli-belah di pasar raya dan kedai terpilih apabila ia dilaksanakan mulai September 2012.

Beliau juga berkata KADS1M adalah percuma. Pelajar boleh menggunakan kad tersebut sehingga tamat tempoh pengajian mereka, caj sebanyak RM2 dikenakan sekiranya kad berkenaan hilang atau rosak. Diskaun yang ditawarkan adalah bagi pembelian barangan dan perkhidmatan terpilih tertakluk kepada kadar, terma dan syarat yang ditetapkan oleh syarikat-syarikat yang mengambil bahagian. Sehingga kini, terdapat lebih 128 syarikat telah menyertai KADS1M sebagai rakan dagang dalam sektor-sektor seperti buku/alat tulis, pakaian/kelengkapan sukan, optometri, klinik, produk IT, penginapan/pengangkutan, peruncitan serta makanan. Maklumat lengkap meliputi senarai syarikat, kadar, terma dan syarat diskauun boleh disemak di laman sesawang www.1pengguna.com.

Jemputan yang turut hadir di majlis berkenaan ialah Dato' Daud bin Tahir, Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri), YBhg. Datin Mahani Tan binti Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Kepenggunaan dan Pengurusan) KPDNKK dan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Datuk Hj. Md Yusof bin Hj. Samsudin.

Majlis ini turut diserikan dengan penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang program Diploma Pengurusan Koperasi yang memperoleh CGPA 3.5 ke atas dalam peperiksaan akhir Semester 2 dan 4. Semoga pemberian KADS1M dan penyampaian anugerah ini akan memberi dorongan dan semangat kepada pelajar untuk terus meningkatkan usaha bagi mencapai kejayaan yang diidamkan. Majlis ini diakhiri dengan mempersilakan semua tetamu yang hadir menikmati jamuan hari raya yang disediakan di Dewan Sri Tanjung dan Dewan Sri Siantan MKM. -Zubaidah Ismail



Perbincangan bersama antara MKM dan delegasi dari Vietnam

Lawatan Delegasi Vietnam ke MKM

Maktab Koperasi Malaysia sememangnya tidak pernah sunyi daripada menerima kunjungan lawatan dari luar. Buktinya pada 11 Julai 2012, satu lawatan delegasi dari Vietnam telah diadakan di MKM. Lawatan ini adalah bertujuan untuk berkongsi maklumat berkaitan latihan pendidikan serta bahan-bahan penerbitan di MKM. Seramai 5 orang peserta delegasi telah tiba dan turut diberi ruang untuk menginap di MKM selama 3 hari 2 malam.

Timbalan Ketua Pengarah (Akademik), Pn. Norwatim bt Hj Abd. Latiff sangat berlapang dada di atas kunjungan tersebut dan turut meluangkan masa mempengerusikan serta memberi taklimat berkaitan MKM kepada peserta delegasi yang hadir.

Delegasi telah dipersembahkan dengan tayangan video korporat MKM untuk memberi pendedahan yang lebih jelas tentang aktiviti yang dijalankan oleh MKM sebagai pusat latihan koperasi di Malaysia. Sebagai memenuhi hasrat dan tujuan lawatan iaitu untuk berkongsi maklumat, pihak MKM juga turut dipersembahkan dengan taklimat berkaitan perkembangan institusi pendidikan di Vietnam. Dalam sesi soal jawab pula, delegasi dan wakil MKM saling bersoal jawab dan berkongsi pandangan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai cara kerja, budaya dan sistem pendidikan yang diamalkan di institusi masing-masing. Sebelum sesi lawatan berakhir, kedua-dua pihak saling bertukar-tukar cenderamata sebagai tanda kenang-kenangan.



Sesi penyampaian cenderamata



Sebahagian peserta delegasi Vietnam yang turut hadir

Lawatan Delegasi Dari Ministry Of Local Government & Cooperative, Bangladesh.



Peserta delegasi sedang menonton tayangan video korporat MKM

Tanggal 19 September 2012, Maktab Koperasi Malaysia sekali lagi menerima kunjungan hormat dari luar. Kali ini, MKM telah dilawati oleh Delegasi dari Ministry of Local Government Rural Development & Cooperative, Bangladesh. Objektif kepada lawatan ini adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan aktiviti yang dilaksanakan oleh Maktab Koperasi Malaysia.

Kunjungan tersebut telah disertai oleh 10 orang delegasi sambil diiringi oleh 2 orang pegawai dari Institut Kemajuan Desa, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (INFRA). Dalam lawatan kali ini, Tn. Hj. Ramlan b. Kamsin, Pengarah Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi telah bertindak sebagai pengerusi bagi sesi taklimat kepada delegasi yang hadir.

Delegasi telah didedahkan mengenai sejarah dan aktiviti institusi ini melalui tayangan video korporat MKM. Pelbagai soalan telah diajukan dan dibincangkan sepanjang sesi taklimat berlansung. "Tak kenal maka tak cinta", maka untuk memberi gambaran yang lebih dekat lagi mengenai MKM, para delegasi telah dibawa melawat ke sekitar MKM seperti perpustakaan, pasar mini, dewan kuliah dan sebagainya.



Peserta delegasi



Sesi pertukaran cenderamata sebagai tanda penghargaan



Lawatan Dari Koperasi Kakitangan Kerajaan Terengganu Berhad (KOKITAB)

Maktab Koperasi Malaysia tidak hanya menjadi tumpuan kunjungan hormat dari negara luar, malahan juga turut menjadi perhatian pelawat dari dalam negara. Pada 3 Oktober 2012, MKM telah menerima lawatan dari Koperasi Kakitangan Kerajaan Terengganu Berhad (KOKITAB). Lawatan sambil belajar ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai pelaksanaan 5S untuk dipraktikkan di KOKITAB.

Seramai 20 orang kakitangan KOKITAB terlibat di dalam lawatan ini dan mereka turut mengambil kesempatan untuk bermalam di MKM. Sesi taklimat kepada peserta lawatan telah disempurnakan oleh Pn. Norwatim bt. Abd. Latiff, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) MKM.

Peserta ditayangkan dengan video korporat MKM terlebih dahulu sebelum taklimat berkaitan 5S diberikan oleh Pn. Noranita bt. Mohd Nor dari pusat ReCent. Pada akhir sesi lawatan, pihak KOKITAB diwakili oleh Tn. Hj. Alias b. Mustafa, Pengerusi Kehormat KOKITAB telah menyampaikan cenderamata kenangan kepada pihak MKM. Mereka turut diberi peluang untuk melawat di sekitar MKM.



Pn. Norwatim bt. Abd Latiff (TKPA) menyampaikan ucapan aluan



Peserta lawatan dari KOKITAB



Sesi pertukaran cenderamata oleh kedua-dua pihak

MAJLIS TAKLIMAT PROMOSI PROGRAM LATIHAN MKM TAHUN 2013 DI KELANTAN

Seperti tahun-tahun sebelum ini, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) sekali lagi melakukan gerak gempur untuk mempromosikan program-program latihannya sepanjang tahun 2013 kepada warga koperator di seluruh Malaysia. Tanggal 14, 15 dan 16 Januari 2013 menjadi saksi kepada Majlis Taklimat Promosi Program Latihan MKM bagi negeri yang bertuah Kelantan Darul Naim.

Wilayah Machang menjadi *checkpoint* pertama yang disinggah oleh pegawai MKM dengan kehadiran 72 orang. Diadakan di Pejabat Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Wilayah Machang, para peserta menunjukkan

minat untuk menyertai program-program latihan MKM sama ada di kampus induk di Petaling Jaya mahupun di kampus cawangan sama ada di Utara, Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak. Keesokannya iaitu tanggal 15 Januari 2013, kami meneruskan misi ke wilayah Gua Musang. Fully Inn menjadi tempat persinggahan kami untuk mempromosikan program-program latihan MKM di Gua Musang.

Selesai majlis taklimat di Gua Musang, pihak kami terus bergerak ke Kota Bharu, Kelantan. MGU Firdaus Hotel, Kota Bharu dipilih sebagai destinasi terakhir untuk Majlis



Warga koperator yang turut hadir mendengar taklimat



En. Hasrin Abu Hassan, Pegawai Latihan MKM menyampaikan taklimat mengenai program latihan yang ditawarkan oleh MKM



En. Aaron Ikram Mokhtar menyampaikan ceramah bertajuk Keselamatan Perniagaan Melalui Internet

Taklimat Promosi Program Latihan MKM ini. Bersekali dengan Majlis Taklimat Promosi Program Latihan MKM, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (INFOTEC) turut mengadakan Bicara Profesional dengan tajuk perbincangan Keselamatan Perniagaan Melalui Internet. Cara penyampaian En. Aaron Ikram Mokhtar (Senior Executive Cyber Security Malaysia) yang bersahaja berjaya mencuri perhatian 126 koperator yang turut hadir. Malah Bicara Profesional ini berjaya memberi peringatan (awareness) kepada pengguna internet betapa pentingnya kita meningkatkan keselamatan ke atas maklumat diri kita kerana kita tidak tahu bila kita akan menjadi mangsa jenayah siber.

Sepanjang menjalankan Majlis Taklimat Promosi Program Latihan MKM Tahun 2013 di Kelantan pelbagai pandangan dan idea bernas yang dilontarkan oleh warga Darul Naim dalam memperbaiki dan mempertingkatkan lagi kualiti dan penyampaian majlis taklimat ini dan program-program latihan MKM pada masa yang akan datang. Penghargaan terima kasih juga wajar diberi kepada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Wilayah Machang, Gua Musang dan Kota Bharu, Kelantan diatas usaha dan kerjasama dalam bersama-sama menjayakan Majlis Taklimat Promosi Program Latihan MKM Tahun 2013. Semoga pada tahun 2013 ini, MKM berjaya mencapai sasaran bilangan peserta dan kursus hasil usaha seluruh warga MKM menjalankan Majlis Taklimat Promosi Program MKM Tahun 2013 diseluruh negara.



Majlis taklimat promosi program latihan MKM mendapat sambutan yang menggalakkan daripada koperator

PENJENAMAAN SEMULA KURSUS IT DI MKM

Perkembangan dalam era Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) kini dilihat semakin rancak berkembang sejajar dengan perkembangan arus globalisasi dunia. Pergerakan hidup masyarakat seharian pula tidak dapat dipisahkan dengan menggunakan teknologi maklumat. Jika dikaji, setiap hari pelbagai inovasi teknologi maklumat tersebar dengan pantas serta menjadi ikutan.

Justeru, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (INFOTEC), MKM telah mengambil inisiatif merancang serta mengemas kini modul kursus dan menjenamakan semula kursus-kursus ICT sedia ada kepada kursus baru yang akan diaplikasikan di MKM bagi tahun 2013. Objektif utama penjenamaan semula kursus-kursus pusat ini untuk memberi impak yang lebih berkesan

secara langsung kepada koperasi dan ia dilihat sebagai satu *adding values* yang diharap relevan mengikut kehendak teknologi yang semakin pesat masa kini.

Kebanyakan kursus IT pada kali ini berbentuk bengkel di mana pada akhir bengkel para peserta akan dapat menghasilkan produk berkaitan koperasi seperti laman web perniagaan koperasi, bahan penerbitan koperasi, persembahan korporat koperasi, sistem keanggotaan koperasi dan sistem pinjaman koperasi.

Terdapat dua buah kursus lama dikekalkan dan 10 buah kursus baru yang ditawarkan Pusat INFOTEC pada 2013 seperti di jadual:

Kursus Lama Dikekalkan					
BIL	KOD	NAMA KURSUS	PERINGKAT	TEMPOH (hari)	KEKERAPAN
1	IDT 413	Pengurusan Lembaran Elektronik – Microsoft Excel	Pertengahan	4	3
2	IDT 433	Bengkel Merekabentuk Laman Web Koperasi	Pertengahan	4	4
Kursus Baru					
BIL	KOD	NAMA KURSUS	PERINGKAT	TEMPOH (hari)	KEKERAPAN
1	IDT403	Penggunaan Komputer dan Internet	Asas	3	3
2	IDT404	Pengurusan Komputer Peribadi	Asas	3	3
3	IDT411	Pengurusan Maklumat Atas Talian Untuk ALK Dengan Google	Pertengahan	3	3
4	IDT412	Bengkel Membangunkan Blog Perniagaan Koperasi	Pertengahan	3	3
5	IDT414	Bengkel Merekabentuk Bahan Penerbitan Koperasi	Pertengahan	4	3
6	IDT415	Bengkel Membangunkan Persembahan Korporat Koperasi	Pertengahan	3	3
7	IDT416	Bengkel Membangunkan Sistem Keanggotaan Koperasi Dengan Microsoft Access	Pertengahan	4	3
8	IDT432	Bengkel Membangunkan Sistem Pinjaman Koperasi Dengan Microsoft Excel	Peningkatan	4	2

Adalah diharap dengan penjenamaan semula kursus-kursus baru IT di MKM bagi tahun 2013 dapat memberi kesan positif khususnya kepada koperasi dan

masyarakat setempat amnya dalam meningkatkan tahap penguasaan ilmu ICT pada era ledakan inovasi teknologi maklumat dan komunikasi terkini. *-Intan Nur Azreen*

Pembentangan Penyelidikan “Computer Literacy Among Board Members & Employees of Co-operatives in Malaysia” di 2011 International Conference on Computer Application and Education Technology (ICCAET 2011), Beijing, China

“...Misi utama seminar ini adalah untuk mengumpulkan pakar-pakar dalam bidang pendidikan dan aplikasi komputer bagi membincangkan isu-isu komputer dan pendidikan dalam era teknologi masa kini...”

Pada 3 hingga 4 Disember 2011 telah berlangsung satu seminar penyelidikan antarabangsa yang bertajuk: “2011 International Conference on Computer Application and Education Technology” di Beijing, China. Penyelidikan bertajuk: “Computer Literacy Among Board Members and Employees of Co-operatives in Malaysia” telah dibentangkan dalam seminar ini oleh dua orang ahli penyelidikan ini iaitu Pn. Najmah Nawawi dan Pn. Azlifah Abas.

Seminar antarabangsa ini adalah berfokus kepada penyelidikan yang berkaitan dengan aplikasi komputer dan teknologi pendidikan. Misi utama seminar ini adalah untuk mengumpulkan pakar-pakar dalam bidang pendidikan dan aplikasi komputer bagi membincangkan isu-isu komputer dan pendidikan dalam era teknologi masa kini.

Sebanyak 110 kertas penyelidikan telah dibentangkan yang meliputi negara-negara luar seperti Arab, Iran, Singapura, India, Indonesia, Malaysia dan negara penganjur iaitu China sendiri. Ramai profesor dari Universiti dan institut penyelidikan dari negara-negara ini turut sama membentangkan kertas penyelidikan dari negara masing-masing. - Azlifah Abas



PROGRAM LATIHAN

12th ICA REGIONAL WORKSHOP FOR MANAGERS ON “MANAGEMENT OF CONSUMER CO-OPERATIVES IN ASIA- PACIFIC”

“ Matlamat program ini adalah untuk perkongsian ilmu dan jalinan kerjasama mengenai model sejarah dan kejayaan pengurusan perniagaan NTUC Fair Price Ltd, yang tersenarai dalam ICA Global 300 ”

Bersempena sambutan 'International Year of Cooperatives', ICA-AP telah mengadakan satu program latihan untuk pengurus kanan dan pengurus koperasi pengguna. yang bertajuk 12th ICA Regional Workshop for Managers on "Management of Consumer Co-operatives in Asia-Pacific". Program ini telah berlangsung dari 11 - 13 Julai 2012 di Pusat Latihan Fair Price, Singapura.

Matlamat program ini adalah untuk perkongsian ilmu dan jalinan kerjasama mengenai model sejarah dan kejayaan pengurusan perniagaan NTUC Fair Price Ltd, yang tersenarai dalam ICA Global 300. Program ini juga melibatkan perbincangan mengenai kajian kes kejayaan kerjasama perniagaan antara koperasi pengguna Korea dan koperasi pengguna Jepun serta jalinan kerjasama oleh peserta-peserta yang hadir. Program tiga hari ini disertai oleh peserta-peserta dari negara India, Korea, Sri Lanka, Thailand, Vietnam dan Malaysia. Malaysia diwakili oleh dua orang pegawai dari ANGKASA, dua orang pegawai dari MKM dan seorang pegawai dari Koperasi Pengangkutan Putrajaya & Cyberjaya.





Kenangan bersama peserta-peserta program pada hari terakhir di Pusat Latihan FairPrice

Sepanjang program ini berlangsung, para peserta diberi pendedahan mengenai pengurusan pengoperasian perniagaan dalam proses pembelian, barang dagangan (Merchandising) dan urus niaga antarabangsa dan rantaian pengurusan yang diamalkan oleh Fair Price oleh Pengarah Urusan bahagian Pembelian, Barang Dagangan (Merchandising) dan Urus niaga Antarabangsa dan Pengurus Kanan Bahagian logistik, NTUC Fair Price. Kajian kes kejayaan perniagaan Korea dan Jepun telah dibentangkan oleh Ketua Pengurus, iCOOP Korea dan Coop Kobe. Perkongsian kejayaan tersebut memberi informasi dan membuka minda para peserta mengenai pengurusan perniagaan pemborongan dan peruncitan. Bengkel perbincangan dan perkongsian kejayaan oleh koperasi-koperasi yang diwakili oleh para peserta dalam usaha menjalinkan kerjasama antara koperasi banyak memberi faedah dan idea dalam pengendalian perniagaan dari setiap koperasi yang terlibat.

Selain daripada ceramah, pada hari terakhir program, para peserta telah mengikuti lawatan sambil belajar yang dianjurkan ke beberapa rangkaian kedai Fair Price seperti Fairprice Finest di Thompson Plaza, Fairprice Supermarket di Ang Mo Kio 712 dan Fairprice Xtra di Ang Mo Kio Hub. Rangkaian kedai ini adalah diatur melalui kategori pendapatan pelanggan. Kewujudan rangkaian ini bertepatan dengan cara perbelanjaan negara tersebut.

Secara keseluruhannya, program ini amat bermanfaat kepada koperasi-koperasi yang menjalankan aktiviti pemborongan dan peruncitan. Perkongsian idea dan proses jalinan kerjasama dalam pengurusan perniagaan ini banyak dipelajari dan membantu dalam penambahbaikan aktiviti pemborongan dan peruncitan yang dikendalikan oleh koperasi-koperasi yang menghadiri program ini.

- Arfizawati Abd Hadi



Lawatan ke rangkaian kedai FairPrice



Kepimpinan 360°:

Mencetus Transformasi Kepimpinan Koperasi

Pemimpin sebenar adalah pemimpin yang berpengaruh – tidak lebih dan tidak kurang” (John C. Maxwell), pelopor kepada idea pemimpin 360°. Kejayaan sesebuah organisasi seperti koperasi bergantung kepada beberapa faktor. Salah satu faktor yang penting bagi menjamin kejayaan dan kelestarian koperasi terletak kepada kepimpinan yang berwibawa. Kepimpinan koperasi seharusnya mempunyai pengetahuan dan kemahiran memimpin yang cemerlang ke arah mencetuskan suatu transformasi dalam koperasi untuk memastikan kepimpinan diterajui menghasilkan impak bermakna. Kepimpinan 360° merujuk kepada pemimpin berpengaruh yang mampu mempengaruhi orang di sekelilingnya sama ada pihak atasan, rakan sejawat atau orang bawahan. Justeru, program Bicara Eksekutif ini cuba untuk merungkai persoalan tersebut dalam konteks kepimpinan gerakan koperasi di negara ini.

Kepimpinan 360°: Mencetus Transformasi Kepimpinan Koperasi, merupakan tajuk yang telah dibincangkan di dalam program Bicara Eksekutif ini. Program yang dijalankan selama setengah hari ini telah diadakan pada 3 Julai 2012 (Selasa) di Hotel New Pacific, Kelantan. Penyertaan pada kali ini adalah seramai 350 orang koperator di seluruh negeri Kelantan dan juga sebahagiannya dari negeri pantai timur yang lain. Program Bicara Eksekutif ini merupakan anjuran bersama Maktab Koperasi Malaysia (MKM) dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan dibantu oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kelantan. Majlis perasmian telah dilaksanakan oleh En. Mohd Safa'ai

Said, Pengarah Pusat Pentadbiran, Perundangan dan Kepimpinan Koperasi (CALL) yang menggantikan YBhg. Tuan Haji Idris Ismail Ketua Pengarah MKM. Atur cara program seperti berikut:

8.30 – 9.30 pg : Pendaftaran & Sarapan Pagi

9.30 – 10.00 pg : Bacaan Doa

Majlis Perasmian Oleh:
YBhg. Tn. Haji Idris Ismail
Ketua Pengarah
Maktab Koperasi Malaysia

10.00 – 1.00 ptg : Sesi Pembentangan & Soal Jawab

Pembentang:
Prof. Madya Dr Hj Azman b. Che Omar
UiTM Cawangan Kelantan

Moderator:
En. Mohd Safa'ai b. Said
Pengarah Pusat Pentadbiran,
Perundangan dan Kepimpinan Koperasi

1.00 ptg : Makan Tengah Hari & Bersurai



Peserta Program



YBhg. Prof Madya Dr. Hj. Azman Che Omar, pembentang dari UiTM Cawangan Kelantan (kiri)

Pemilihan tajuk untuk program ini adalah sangat bertepatan dengan seruan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dalam menyuarakan idea transformasi untuk kesejahteraan rakyat Malaysia. Penerapan konsep transformasi kepimpinan 360° ini juga menjadi satu agenda baru terhadap gerakan koperasi di Malaysia. Transformasi minda dan ideologi di dalam corak kepimpinan koperasi adalah amat penting untuk memastikan sektor koperasi akan terus menjadi penyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Sasaran utama ini telah digariskan di dalam Dasar Koperasi Negara iaitu menyumbang 5 peratus pada tahun 2013 dan 10 peratus menjelang 2020.

Oleh yang demikian, program ini cuba untuk memberi pendedahan dan kefahaman tentang konsep kepimpinan 360° kepada pemimpin koperasi dan mengenal pasti kaedah aplikasinya dalam konteks koperasi. Antara kupasan menarik yang telah dibincangkan oleh Profesor Madya Dr. Hj. Azman Che Omar, pensyarah UiTM Kelantan, yang juga merupakan ahli panel pada program ini adalah berkaitan dengan konsep kepimpinan dalam Islam dan secara umumnya, penerapan prinsip-prinsip kepimpinan, teori sifat atau karekter pemimpin, sifat kepimpinan Nabi Muhammad S.A.W., teori kelakuan kepimpinan, teori kepimpinan sendiri, kepimpinan 360° dan sebagainya. -Norhazilina Abdul Halim



Urus setia warga Pusat CALL yang berdedikasi menjayakan program bicara eksekutif ini

BICARA TOKOH PENGUKUHAN RANTAIAN PERNIAGAAN RUNCIT KOPERASI:

Pemborongan Merentasi Sempadan Satu Alternatif, Membuka Dimensi Baru Dalam Industri Peruncitan & Pemborongan Koperasi di Malaysia

Pusat Keusahawanan Koperasi dan Peruncitan (ReCEnt) telah menganjurkan Program Bicara Tokoh yang berlangsung pada 13 September 2012, di Hotel Impiana Ipoh. Program ini merupakan salah satu program yang terdapat dalam kalendar tahunan Maktab Koperasi Malaysia (MKM). Tajuk yang dipilih ialah Pengukuhan Rantaian Perniagaan Runcit Koperasi: Pemborongan Merentasi Sempadan Satu Alternatif.

Tajuk ini dipilih adalah berdasarkan teras Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020 telah menetapkan lima bidang keberhasilan ekonomi utama oleh sektor koperasi. Industri peruncitan

dan pemborongan merupakan salah satu bidang ekonomi yang sedang diterokai, dijana dan digembeng sebagai penyumbang yang signifikan kepada Pendapatan Negara Kasar (PKN). Sehingga 2009, sektor koperasi telah menyumbang hanya 1% sahaja. Umum mengetahui harapan sasaran sumbangan koperasi sebanyak 5% kepada PKN menjelang 2013 dan 10% pada 2020. Tambahan pula menjadi hasrat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) agar industri pemborongan yang sedia ada diceburi oleh sektor koperasi bagi memantapkan lagi saluran rantaian bekalan peruncitan dan pemborongan. Objektif utama Program Bicara Tokoh ini antaranya ialah memberi pendedahan tentang hal ehwal perniagaan industri pemborongan tempatan dan luar negara yang masih baru dalam gerakan koperasi di negara ini. Di samping itu, menerangkan prosedur dan teknik-teknik yang harus dilakukan oleh koperasi untuk menceburi perniagaan pemborongan dan perkara yang paling penting ialah perkongsian



Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah MKM, Tuan Hj. Idris bin Ismail

pengalaman, isu serta cabaran dalam perniagaan pemborongan masa kini.

Antara penceramah yang menjayakan Program Bicara Tokoh ini ialah En. Shahabudeen Jalil bin Kamarul Jaman, seorang tokoh konsultan perniagaan pemborongan yang terkenal di Malaysia hari ini. Beliau menerangkan dan berkongsi pengalaman “Peluang, isu dan cabaran dalam pemborongan di luar negara”. Fokus sesi pembentangan tersebut adalah mengenai peluang pemborongan dari negara China. Beliau telah berkongsi ilmu dan pengalaman dalam membuat persediaan sebelum, semasa dan selepas aktiviti pemborongan luar negara. Gerakan koperasi yang berminat perlu mempunyai perancangan terhadap produk yang ingin dipilih mengikut keadaan semasa, contohnya memilih produk unik dan menarik yang masih belum meluas di pasaran, namun mempunyai potensi yang besar untuk dipasarkan di Malaysia.

Seterusnya ialah penceramah dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia iaitu En. Rozdeen bin Mohd Jaafar iaitu Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pembangunan Perniagaan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) membincangkan tentang Perkembangan Industri Pemborongan dan Peruncitan



Antara Pegawai Latihan Pusat ReCEnt yang turut serta dalam program ini

Koperasi iaitu galakan dan Bantuan SKM. Penceramah daripada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) iaitu En. Ahmad Marzuki bin Ismail, Pengurus Pelajaran 4P menerangkan peranan ANGKASA bagi Meningkatkan Pendapatan Koperasi Melalui Aktiviti Pemborongan. Jumlah keseluruhan peserta yang menghadiri Program Bicara Tokoh ini ialah seramai 300 orang dan kebanyakan peserta yang hadir adalah daripada Negeri Perak, Pulau Pinang, Selangor dan Kuala Lumpur. Majoriti peserta amat berterima kasih kepada MKM kerana sentiasa peka terhadap perubahan dan perkembangan persekitaran perniagaan dengan memberi pendedahan kepada gerakan koperasi terutamanya dalam bidang pemborongan dan peruncitan.

Secara keseluruhannya, program ini telah membuka minda para koperator bahawa perniagaan pemborongan dan peruncitan merupakan satu peluang perniagaan yang boleh menjana keuntungan yang tinggi. Hasrat kerajaan untuk melihat koperasi menyumbang 5% kepada KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) negara mungkin dapat dipercepatkan sekiranya koperasi berani menceburkan diri dalam bidang pemborongan dan peruncitan. Oleh yang demikian, MKM sebagai institusi latihan dan pendidikan koperasi akan terus peka kepada program-program yang sesuai dengan persekitaran bagi membantu gerakan koperasi dengan ilmu-ilmu yang berguna untuk lebih berdaya maju, berdaya saing, kreatif dan inovatif.



Warga koperasi tidak melepaskan peluang untuk menimba ilmu pengetahuan dalam bidang peruncitan dan pemborongan dalam dan luar negara



BICARA EKSEKUTIF KESELAMATAN TRANSAKSI ONLINE: ISU DAN PENCEGAHAN

Dunia siber pada hari ini menuntut untuk para pengguna terus mengikuti perkembangan teknologi yang berubah dari masa ke semasa. Perniagaan, membeli-belah, pembayaran bil dan sebagainya kini dibuat lebih mudah dengan menggunakan Internet. Kepercayaan dan keyakinan pengguna mempengaruhi kejayaan perniagaan melalui Internet atau e-dagang. Keyakinan pengguna untuk menggunakan perbankan Internet atau membuat transaksi online adalah bertitik tolak kepada keyakinan keselamatan kaedah tersebut. Pengguna harus diberi kepercayaan dan keyakinan bahawa kaedah transaksi online ini adalah lebih praktikal, mudah, dan selamat.

Satu bicara eksekutif (BE) bertajuk Keselamatan Transaksi Online: Isu dan Pencegahan telah diadakan pada 10 Disember 2012 (Isnin) yang lalu di Goldcourse Hotel, Klang, Selangor. Objektif bagi BE ini adalah untuk memberi pendedahan kepada warga koperasi berkenaan isu-isu yang wujud dalam melakukan transaksi online. BE ini juga bertujuan untuk menjelaskan kepada para

koperasi berkenaan langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil bagi mengelakkan berlakunya kesilapan atau penipuan semasa transaksi online dibuat.

Seramai 123 orang peserta yang merupakan mereka yang terlibat secara aktif dalam sektor koperasi didedahkan mengenai Verifikasi Keselamatan Kepenggunaan Internet yang disampaikan oleh En. Zainal Rashid bin Isa yang merupakan Timbalan Presiden Persatuan Usahawan Internet Malaysia (PUIM). Pembentangan yang bertajuk Isu dan Langkah Pencegahan telah disampaikan oleh En. Aaron Ikram bin Mokhtar dari Cyber Security Malaysia selaku Senior Executive berjaya menarik tumpuan dan minat para peserta yang hadir.

Di akhir sesi ini, para peserta bicara eksekutif ini diberi peluang untuk dalam sesi soaljawab bersama penceramah jemputan. Semoga bicara eksekutif yang telah berjaya dilangsungkan ini memberi manfaat sepenuhnya kepada semua peserta yang hadir.- *Mohd Hamzah Kasim*



Barisan pembentang kertas kerja



Pn. Najmah Nawawi, selaku Pengarah Pusat Teknologi dan Komunikasi merasmikan program tersebut

Majlis Sekalung Budi Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia (MKM)



Thumb print terakhir Tn. Hj Idris sebagai Ketua Pengarah MKM

YBhg. Tuan Haji Idris bin Ismail namanya sememangnya tidak asing lagi dalam bidang koperasi. Dilahirkan pada tanggal 6 April 195. Berkelulusan Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Mula berkhidmat di Maktab Koperasi Malaysia (MKM) pada 1 September 1979 sebagai Pensyarah gred A22. Pelbagai jawatan dipegang oleh beliau sepanjang berkhidmat di MKM antaranya Pensyarah Kanan gred A-12, Pegawai Latihan gred E2 (Ketua Kajian), Ketua Kajian Pengajian Tinggi dan Antarabangsa, Pengarah MKM Cawangan Sarawak, dan Timbalan Pengarah Akademik MKM. Pada 5 April 2008, YBhg. Tuan Haji Idris bin Ismail dengan rasminya dilantik sebagai Ketua Pengarah MKM. Banyak sumbangan yang dicurahkan oleh beliau sepanjang perkhidmatannya. Atas sumbangan tersebut, pelbagai anugerah yang diterima oleh beliau dan MKM.

Setiap pertemuan sudah pasti ada perpisahan. Tanggal 4 Januari 2013, Majlis Sekalung Budi sempena persaraan YBhg. Tuan Haji Idris bin Ismail, Pengarah Maktab Koperasi Malaysia (MKM) berlangsung dengan penuh bersejarah di Dewan Sri Siantan Maktab Koperasi Malaysia. Majlis tersebut dihadiri oleh semua kakitangan MKM dan para tetamu jemputan.

Majlis dibuka tirai dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Encik Abu Bakar. Majlis turut diisi dengan tayangan persembahan multimedia khas yang memaparkan penglibatan beliau sepanjang 33 tahun berkhidmat di MKM. Pada majlis tersebut, YBrs. Hjh Julia Bee binti Ramjan selaku Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan turut berpeluang memberi ucapan sempena persaraan Ketua Pengarah MKM.

Selaku pegawai yang dirai, majlis turut memberi peluang kepada YBhg. Tn. Hj. Idris bin Ismail untuk memberi ucapan dan amanat terakhir beliau. Dalam ucapan beliau turut diselitkan "pemilihan untuk bersara adalah berdasarkan faktor kedudukan MKM yang telah berada di tahap yang selesai." Beliau berharap agar warga MKM terus memberi komitmen untuk melangkah terus maju ke hadapan.



Pn. Julia Bee Ramjan, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) menyampaikan ucapan penghormatan

Majlis diteruskan dengan sesi penyerahan cenderamata tanda kenangan dari wakil pusat dan unit sebagai tanda kenangan. Majlis diakhiri dengan jamuan makan tengah hari sambil diiringi oleh ucapan oleh warga kerja kepada Mantan Ketua Pengarah.

Komitmen beliau terhadap tugas dan tanggungjawab beliau amat tinggi. Beliau telah menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan cemerlang selaku pengarah dan juga warga MKM. Keberanian, ketekunan dan keikhlasan menjadi inspirasi kepada warga kerja MKM bagi meneruskan usaha-usaha yang telah dibuat beliau sebelum ini. Kami warga MKM berharap agar terus sihat sejahtera dan terus berjaya dalam bidang yang diceburi. Terima kasih sumbangan dan jasa beliau kepada MKM.



Warga kerja MKM bersama-sama memeriahkan majlis tanda sokongan

BENGGKEL TRAINING OF TRAINERS (TOT) KURSUS WAJIB 1: PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN KOPERASI

Program Bengkel TOT bagi kursus Wajib 1 : Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi telah diadakan pada 06 hingga 08 September 2012. Program ini telah diadakan bertempat di Awana Genting dengan penyertaan seramai 27 orang Pegawai Latihan.

Bengkel ini pada asasnya terbuka kepada semua Pegawai Latihan MKM terutamanya Pegawai Latihan yang baru dilantik, pegawai yang mengajar kursus Wajib 1 dan kepada Pegawai Latihan daripada pusat-pusat yang lain.

Objektif bengkel ini adalah bagi memberi ruang kepada para Pegawai Latihan MKM untuk memahami kandungan tajuk-tajuk yang terdapat di dalam kursus Wajib 1. Bengkel ini juga memberikan pegawai memahami kaedah penyampaian kursus dengan berkesan kerana kaedah menjalankan kursus Wajib 1 ini memerlukan pegawai untuk merujuk kepada dokumen perundangan koperasi seperti Akta Koperasi 1993, Undang-undang Kecil Koperasi dan Garis Panduan (GP) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi. Selain daripada itu, bengkel ini juga bertujuan supaya pegawai dapat menguasai teknik-teknik menjawab soalan yang biasa dikemukakan oleh para peserta kursus Wajib 1.

Mewakili Timbalan Ketua Pengarah Akademik, sesi bengkel telah dimulakan dengan kata-kata aluan daripada En. Mohd Safa'ai Said, Pengarah Pusat Pentadbiran, Perundangan dan Kepimpinan Koperasi. Di dalam ucapannya En. Mohd Safa'ai Said berkata selaras dengan Teras Strategik III Dasar Koperasi Negara (DKN), iaitu mewujudkan dan meningkatkan

keupayaan modal insan koperasi, MKM bertanggungjawab untuk melaksanakan kursus wajib kepada anggota lembaga dan JAD koperasi. Perkara ini diperkukuhkan lagi dengan termeterainya deklarasi antara MKM, SKM dan Angkasa, kata sepakat telah dicapai bahawa MKM dipertanggungjawabkan untuk menjalankan semua kursus-kursus wajib yang terdiri daripada kursus wajib 1: Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi, Kursus Wajib 2: Pengurusan Kewangan, Kursus Wajib 3: Pengurusan Strategik.

Metodologi bengkel dijalankan melalui perbincangan secara berkumpulan dan juga pembentangan oleh beberapa orang pegawai MKM sebagai pemudah cara iaitu daripada En. Asha'ari Arshad, En. Ngadi Robin, En. Hassan Ahmad dan En. Mohd Zaib Mat Yunus. Para peserta bengkel mengambil peluang pada setiap sesi bengkel dengan mengemukakan pelbagai soalan, perkongsian pengetahuan dan pengalaman.

Secara keseluruhannya, bengkel selama tiga hari dua malam ini telah memberi ruang dan membuka minda Pegawai Latihan untuk mendalami ilmu koperasi yang tidak terbatas dan untuk disebarluaskan kepada para koperator secara khususnya. *-Rohalinda Ahad*



Antara pegawai Latihan MKM yang turut hadir

Majlis Sambutan PROGRAM QURBAN BERSAMA ANAK YATIM DAN PELAJAR KAFA INTEGRASI AL-INSANIAH



Bergotong-royong



Pelajar KAFA Al-Integrasi mengambil juadah qurban

Qurban merupakan satu ibadah yang mulia dan penting dalam Islam kerana amat besar fadilatnya. Tetapi malangnya masih ramai orang yang samar-samar atau kabur kefahaman mereka mengenainya, sehinggakan ada yang memandang ringan walaupun mempunyai kemampuan tetapi tidak mahu melakukan penyembelihan qurban atau aqiqah yang amat dituntut oleh agama.

Badan Kebajikan Kakitangan Islam Maktab Koperasi Malaysia (BAKIM) telah menganjurkan program ini bagi memenuhi hasrat warga kerja MKM yang ingin menyempurnakan ibadah ini di samping merapatkan hubungan warga kerja yang terlibat bersama tetamu yang diraikan terdiri daripada anak yatim dan pelajar miskin KAFA Integrasi Al-Insaniah. Pada 29 Oktober 2012, seramai 40 orang pelajar sekolah ini telah dijemput untuk bersama-sama memeriahkan majlis qurban yang dianjurkan dengan kerjasama BAKIM pada setiap tahun. Pelajar dari keluarga yang kurang berkemampuan ini telah diiringi oleh guru mereka Ustazah Zuhaila dan

Ustazah Zulaikha. Selain pelajar sekolah ini, seramai 50 orang pelajar anak yatim program Diploma Pengurusan Koperasi Semester 1 Maktab Koperasi Malaysia turut dijemput untuk memeriahkan majlis tersebut.

Sebanyak 2 ekor lembu telah disembelih melibatkan 14 bahagian yang diwakili oleh 14 orang warga kerja MKM sebagai peserta qurban. Majlis qurban sebegini dirancang dan dilaksanakan secara gotong royong oleh pihak pengurusan dengan kerjasama staf-staf Maktab Koperasi Malaysia. Majlis sambutan qurban ini bermula jam 8.30 pagi dengan penyembelihan 2 ekor lembu diikuti dengan aktiviti gotong royong melapah, memotong dan memasak daging yang telah disembelih. Tulang lembu qurban ini telah direbus dan menjadi hidangan minum pagi petugas iaitu sup tulang yang dihidangkan panas-panas bersama roti. Majlis ini diteruskan dengan menerima kedatangan tetamu yang terdiri dari warga kerja MKM dan pelajar yang dijemput khas untuk jamuan makan tengah hari di Dewan Sri Siantan MKM. Daging qurban turut diagih-agihkan kepada warga kerja MKM yang bertugas pada hari tersebut.

Secara keseluruhannya, program ini telah mencapai objektifnya untuk memberikan kesedaran kepada warga kerja MKM dan para pelajar di mana sebagai umat Islam adalah menjadi kewajipan kepada mereka untuk menunaikan ibadah ini apabila berkemampuan. Ini dapat melatih diri untuk menggembirakan hati mereka yang kurang berkemampuan walaupun dengan memberi makan sepinggan nasi putih berlaukkan daging qurban. Program ini juga turut memberi kesedaran adalah menjadi kewajipan mereka yang berkemampuan untuk memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan agar dapat membentuk peribadi mulia yang dituntut oleh Islam. - Siti Hajar Saey



Menikmati sup tulang qurban

The 2nd ICA-JAPAN Training Course on Revitalization of Local Community by Rural Women

Program Latihan di Jepun pada 16 Julai hingga 1 Ogos 2012



Peserta dari Malaysia bersama-sama dengan penceramah

Lanjutan daripada perbincangan dan kerjasama yang ditandatangani oleh pihak MKM dan IDACA (The Institute for the Development of Agriculture Cooperation in Asia), setiap tahun MKM akan menghantar pegawai latihan untuk mengikuti program yang dianjurkan untuk mempelajari dan mendalami ilmu-ilmu tentang perkoperasian yang biasanya diamalkan oleh penduduk-penduduk Jepun. Program yang dianjurkan oleh ICA dengan kerjasama IDACA telah dijalankan selama 30 hari tetapi peserta dari Malaysia hanya mengikuti program tersebut selama 16 hari sahaja kerana peserta dari Malaysia hanya melihat secara praktikal pengurusan koperasi yang dipilih untuk dijadikan panduan koperasi di Malaysia melalui latihan dan pendidikan yang diberikan oleh pegawai latihan terbabit dan seterusnya membuat kajian kes. Objektif utama program ini adalah untuk membantu wanita yang bertanggungjawab atau menjadi penyelaras dan mempunyai peranan untuk memajukan wanita luar bandar dan terlibat dalam sektor pertanian di mana mereka akan menyumbang kepada penjaanaan pendapatan dan mengurangkan kadar



Produk Pertanian di Pasar Petani (farmer's market) Hatakenbo



Peserta dari Malaysia bersama dengan Pengurus DSS yang kreatif



Peserta dari Malaysia tekun mendengar taklimat di ladang anggur

lebih parah dengan kebocoran loji nuklear yang merupakan pembekal tenaga dan kesan radiasi sudah pasti akan memberi tempias bukan sahaja manusia tetapi juga kepada tanaman dan ternakan yang terdapat di Fukushima. Kami telah dibawa melawat ke JA Fukushima Prefecture Union, JA Women's Organization, Direct Sales Shop (DSS) "Nme-be", DSS Nakayoshi-Kai, JA Date-Mirai Women's Association, JA Souma, JA Tamura, DSS Hatakenbo, JA Sukagawa-Iwase dan Shirakawa Kosei General Hospital sepanjang berada di Fukushima. Pada hari terakhir kami telah dibawa melawat ladang anggur yang diusahakan oleh sebuah keluarga di Yamanashi Prefecture di daerah Katsunuma berhampiran dengan Gunung Fuji. Dengan kreativiti dan inovasi yang ada beliau dan keluarga telah mewujudkan Rokuji-ka atau "Konsep 6th. Industry" yang mana beliau dan keluarga telah bertani, menanam anggur, menjual anggur terus kepada koperasi dan orang ramai, membuka restoran di samping mewujudkan "eco-tourism" untuk mereka-mereka yang berminat. Laporan secara terperinci tentang lawatan ini serta koperasi yang dilawati telah dinyatakan di dalam kajian kes yang dihasilkan. *-Roziyah Mohamed*

kemiskinan di negara-negara mereka. Program ini merupakan kali kedua dianjurkan dan ianya juga disertai oleh Puan Che Salmah dari Koperasi Kaum Ibu Kubang Pasu, Jitra, Kedah dan Cik Sharifah Aminah Alhabshee dari Koperasi Puteri Malaysia, Puan Najmah Nawawi dan Puan Roziyah Mohamed dari MKM. Banyak maklumat yang bermanfaat boleh diadaptasikan oleh koperasi-koperasi di Malaysia dan kami juga telah membincangkan apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh koperasi di Malaysia. Hasil daripada perbincangan-perbincangan yang buat, banyak masalah dapat diselesaikan jika

koperasi mengambil langkah proaktif untuk menyelesaikannya. Selain daripada kelas yang diikuti oleh peserta selama seminggu, kami dibawa melawat ke Hiroshima dengan menggunakan kereta api. Wilayah Fukushima ini terletak di Pantai Timur Honshu, pulau yang terbesar di Jepun dan merupakan pengeluar terbesar kuasa elektrik dan industri kuasa nuklear di samping pengeluar hasil pertanian. Pada 11 Mac 2011, gempa bumi yang kuat berserta dengan bencana Tsunami telah meranapkan lebih 4 juta rumah, lebih 10,000 penduduk kehilangan nyawa dan kerugian melebihi 517 bilion Yen. Keadaan ini menjadi



Peserta bersama-sama dengan penceramah dan pegawai dari ICA dan IDACA

SEMINAR “SEKTOR PERTANIAN: TRANSFORMASI DAN HALA TUJU KOPERASI”

Dasar Koperasi Negara 2011-2020 mensasarkan gerakan koperasi sebagai penyumbang berkesan kepada pembangunan sosio-ekonomi Negara. Pelaksanaan pencapaian kenyataan dasar di atas ditumpukan kepada lima bidang keberhasilan aktiviti ekonomi yang dilihat mampu meningkatkan sumbangan gerakan koperasi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 5% menjelang 2013 dan 10% menjelang 2020. Justeru, salah satu bidang keberhasilan aktiviti ekonomi yang dikenal pasti adalah sektor pertanian dan industri asas tani. Sektor ini dilihat berpotensi menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan tumpuan khusus akan diberikan kepada pertanian bernilai tinggi.

“Pertanian: Transformasi dan Hala tuju Koperasi” pada 12-13 Disember 2012 bertempat di De Baron Resort, Langkawi. Objektif seminar ini adalah untuk memberi kesedaran dan kefahaman kepada gerakan koperasi tentang sumbangan sektor koperasi kepada pertumbuhan negara, memberi pendedahan tentang strategi memodenkan sektor pertanian dan peluang pembiayaan untuk perkembangan sektor pertanian negara dan berkongsi pengalaman bersama koperasi/ usahawan yang menjalankan aktiviti pertanian. Seramai 250 orang peserta telah menghadiri program ini yang terdiri daripada koperator-koperator di sekitar negeri Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Perak. Perasmian program ini telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia



Ucapan penutupan oleh YBhg. Tuan Haji Idris bin Ismail,
Ketua Pengarah MKM

“Objektif seminar ini adalah untuk memberi kesedaran dan kefahaman kepada gerakan koperasi tentang sumbangan sektor koperasi kepada pertumbuhan negara”

Encik Mohamad Jaapar bin Muhyat, Ketua Sektor Pembangunan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Seramai tujuh orang penceramah telah terlibat di dalam seminar ini dan sesi pembentangan kertas kerja pertama dimulakan oleh Dr. Juliawati binti Janius, Ketua Unit Penilaian Koperasi, Bahagian Dasar dan Perancangan Pembangunan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Di dalam pembentangan kertas kerja yang bertajuk Merangsang Penglibatan Koperasi Dalam Sektor Ekonomi Bernilai Tinggi, beliau telah menggariskan mengenai Dasar Koperasi Negara 2011-2020 khususnya dalam bidang pertanian dan industri asas tani. Beliau menyeru agar koperasi menceburi bidang pertanian, industri asas tani serta penternakan yang telah dikenal pasti oleh pihak SKM dapat memberi pendapatan tinggi kepada koperasi. Kertas kerja kedua pula bertajuk Memperkasa Sektor Pertanian Negara pula telah disampaikan oleh Encik Rezal bin Hj Zaidi, Ketua Penolong Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri asas Tani (MOA). Beliau telah menyentuh tentang dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011-2020, yang akan meningkatkan



Kehadiran YBhg. Tuan Haji Idris bin Ismail, Ketua Pengarah MKM dan Cik Sharina binti Abdullah, Pengarah MKM Cawangan Timur ke program seminar



Majlis perasmian oleh YBhg Encik Mohamad Jaapar bin Muhyat, Ketua Sektor Pembangunan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

pendapatan bagi golongan petani serta usahawan tani sekali gus menangani isu bekalan makanan di Malaysia.

Dr. Azizan bin Abdul Rashid, Pengarah Pusat Penyelidikan Penternakan dari Institut Penyelidikan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), selaku pembentang kertas kerja ketiga pula telah mengupas tajuk Inovasi dan Teknologi Dalam Sektor Pertanian. Di dalam kertas kerja ini beliau telah menerangkan tentang inovasi dan teknologi terkini yang dihasilkan oleh MARDI dalam sektor pertanian seperti sistem fertigasi dan lain-lain. Selain itu pihak MARDI juga menerangkan mengenai inovasi dan teknologi terkini dalam sektor ternakan seperti ternakan ayam kampung, kambing savanna dan bebiri dorper.

Kertas kerja keempat bertajuk Promosi dan Penjenamaan Produk Pertanian telah dibentangkan oleh Encik Mohamad Mustahapa bin Awang, Pengarah Bahagian Latihan dan Pemasaran, Lembaga Persekutuan Pertanian Persekutuan (FAMA). Beliau telah menekankan mengenai kepentingan promosi dan penjenamaan hasil-hasil pertanian secara sistematik. Antara jenama yang diguna pakai untuk produk pertanian adalah seperti "1Malaysia Best", Agromas dan OleMas. Dalam pembentangan kertas kerja kelima yang bertajuk Peluang-peluang Pembiayaan Sektor Pertanian pula telah disampaikan oleh Encik Hafiz Hidayat bin Mohamed Kamal, Penolong Pengurus Bank Pertanian Malaysia Cawangan Langkawi (AGROBANK). Kertas kerja beliau adalah berkenaan jenis-jenis pembiayaan khusus untuk sektor pertanian contohnya Tabung untuk Makanan (3F), Modal Usahawan 1 Malaysia (MUSIM-MEF) dan Modal Usahawan 1 Malaysia (MUSIM-i).

Kertas kerja keenam dengan tajuk Perkongsian Pengalaman Koperasi Dalam Bidang Pertanian telah

disampaikan oleh Encik Zakaria bin Kamantasha, Pengerusi Koperasi Agro Belantik Sik Berhad. Beliau telah berkongsi pengalaman dengan koperator berkenaan inovasi pertanian padi organik yang telah diusahakan oleh koperasi. Pembentangan kertas kerja terakhir telah disampaikan oleh Cik Zalifah Alif binti Zainal Abidin, Eksekutif Koperasi Serbaguna Iman Malaysia Berhad sebagai mewakili koperasi berjaya telah berkongsi pengalaman dalam aktiviti penternakan lembu yang telah diusahakan sejak empat (4) tahun yang lalu. Program seminar ini telah berakhir dengan ucapan penutupan oleh Yang Berbahagia Tuan Haji Idris bin Ismail, Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia (MKM). Beliau mengingatkan supaya perkongsian ilmu dalam platform seminar ini akan meningkatkan lagi transformasi dan pemodenan sektor pertanian dalam gerakan koperasi dalam membantu pertumbuhan ekonomi negara.

Secara keseluruhannya, seminar selama 1 hari setengah telah berjaya mencapai objektifnya. Para peserta seminar telah mendapat banyak manfaat dan panduan hasil perkongsian maklumat yang telah disampaikan oleh penceramah-penceramah jemputan yang berkualiti. *-Salwana binti Ali*



Sebahagian peserta seminar yang menghadiri program ini

SEMINAR

Sinergi Dalam Pembentukan Generasi Baru Koperasi



Penerima Anugerah bergambar kenangan bersama YB Datuk Hj Mohd Naroden bin Hj Majais dan tetamu rasmi yang lain



En. Busini Ali, Ketua Penolong Pengarah SKM Sarawak, En. Ngadi Robin (Pengarah MKM Cawangan Sarawak dan En. Muhamad Halil Abd Manaf (Pengarah Urusan Diwanie Cake House) ketika Sesi Forum Seminar

Seminar Sinergi Dalam Pembentukan Generasi Baru Koperasi telah dianjurkan oleh Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Sarawak (MKMCS) salah sebuah agensi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) pada 11-12 Disember 2012 bertempat di Damai Puri Resort & Spa Kuching yang lalu. Matlamat utama Seminar ini adalah untuk memberi kesedaran betapa pentingnya pemimpin pelapis dalam koperasi. Selain itu juga, seminar ini turut membincangkan bagaimana gerakan koperasi boleh menarik minat golongan muda bagi menganggotai koperasi. Seminar selama 2 hari ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Hj. Mohd Naroden Hj. Majais, Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri (Pembangunan Usahawan) dan Menteri Muda Perancangan Sumber Sarawak. Dalam ucapan perasmian yang telah beliau sampaikan, beliau menyatakan akan kepentingan golongan muda yang bakal mewarisi kepimpinan dalam koperasi masing-masing. Menurut beliau, perangkaan menunjukkan golongan belia di negara kita pada tahun 2010 adalah berjumlah 11.3 juta orang atau 41.1% daripada penduduk Malaysia. Justeru itu, sudah tiba waktunya gerakan koperasi di Malaysia

memiliki barisan pelapis kepimpinan yang mantap bagi menyusun sinergi koperasi untuk mengurus gerakan koperasi dengan jumlah keanggotaan di Malaysia yang kini seramai 7.4 juta orang dan modal saham telah pun mencecah RM 10 bilion. Terlebih dahulu, En. Ngadi Robin, Pengarah MKMCS telah pun menyampaikan ucapan aluan.

Sebanyak 5 kertas kerja telah dibentangkan dalam seminar pada kali ini. Kertas Kerja 1 bertajuk Generasi Baru Koperasi telah dibentangkan oleh En. Mohd Jaapar Muhyat, Ketua Sektor Pembangunan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Kertas kerja 2 yang bertajuk Kepimpinan Koperasi Tonggak Sinergi telah disampaikan oleh Tn. Hj. Idris Ismail, Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia. Kertas Kerja 3 bertajuk Kreativiti dan Laman Sosial: Impak Maksima telah dibentangkan oleh En. Ali Hanafiah Daud, Usahawan Berjaya. Manakala Kertas Kerja 4 bertajuk Perkongsian Pengalaman Koperasi: Pentingnya Generasi Pelapis Koperasi telah disampaikan oleh En. Mansor Ismail, Pengerusi Koperasi Pembangunan Beris Bhd. Dan kertas kerja ke lima bertajuk Perkongsian





Salah seorang peserta bertanyakan soalan kepada Pembentang Kertas Kerja



En Mohd Jaapar Muhayat (kiri), Ketua Sektor Pembangunan SKM ketika membentangkan kertas kerja Generasi Baru Koperasi bersama En. Christopher John Baptist dan Tn Hj Idris Ismail, Ketua Pengarah MKM

Hasil Kajian Perdagangan Runcit Koperasi Negeri Sarawak oleh En. Yusman Yaacob, Pensyarah MKMCS. Satu sesi forum turut diadakan dalam Seminar pada kali ini yang bertajuk Kepelbagaian Sinergi Pasti Untung Bukan Rugi. Seramai 2 orang ahli panel telah diundang dalam sesi forum ini iaitu En. Busini Ali, Ketua Penolong Pengarah SKM Sarawak dan En. Muhamad Halil Abd Manaf, Pengarah Urusan Diwanie Cake House.

Ketika Majlis Perasmian juga, Penyampaian Anugerah Tahunan MKMCS turut diadakan. Pada tahun 2012, Koperasi Kampung Tebakang Melayu Serian Bhd telah menerima Anugerah Koperasi Aktif atas penglibatan koperasi menerusi anggota mereka terlibat dalam program jangka masa pendek dan panjang sepanjang tahun 2012. Manakala Anugerah Koperator Contoh 2012 disampaikan kepada Pn Salmi Razali, Penyelia Koperasi Kampung Tebakang Melayu Serian Bhd. Beliau banyak terlibat dalam program latihan dan pendidikan MKMCS dan telah berjaya membawa banyak perubahan dalam koperasi setelah memperoleh latihan pengetahuan pengurusan koperasi di MKMCS. Manakala Anugerah Pelajar Terbaik Sijil Pengurusan Koperasi 2012 telah disampaikan kepada Pn Humairah bt. Razali, Penolong Pengurus Koperasi Pusaka Sarawak Bhd. Anugerah ini disampaikan kepada beliau kerana

telah menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang mengikuti pengajian di MKMCS. Semua Anugerah telah disampaikan oleh YB Datuk Hj Mohd Naroden bin Hj Majais.

Pada malam perasmian seminar juga, MKMCS turut memberi Penghargaan kepada Tn Hj Idris bin Ismail, Ketua Pengarah MKM yang bakal bersara. Satu sesi upacara memotong kek turut diadakan bagi mengenang jasa beliau sepanjang berkhidmat di Maktab Koperasi Malaysia selama 33 tahun. Beliau juga adalah merupakan Pengarah Cawangan Pertama Maktab Koperasi Malaysia Sarawak.

YB Datuk Hj Mohd Naroden bin Hj Majais ketika menyampaikan ucapan perasmian seminar



Ketibaan peserta semasa pendaftaran



Upacara memotong kek yang disempurnakan oleh Tn Hj Idris bin Ismail yang bakal bersara tidak lama lagi

Penganjuran Seminar pada kali ini telah berjaya menghimpunkan seramai 340 koperator dari seluruh negeri Sarawak. Kebanyakan mereka berharap agar seminar seumpama ini akan diteruskan pada masa-masa yang akan datang. -Mohamad Suandi bin Hj Mortadza



Latihan & Pendidikan Koperasi Diperkasa Bukan Dipaksa

Program Bicara Eksekutif bertajuk Latihan dan Pendidikan Koperasi Diperkasa Bukan Dipaksa telah diadakan di Hotel Meritz Miri Sarawak pada 22 Januari 2013 bersempena dengan Promosi Program Latihan Maktab Koperasi Malaysia bagi tahun 2013. Matlamat utama penganjuran Bicara Eksekutif pada kali ini adalah untuk memberi kesedaran kepada gerakan koperasi agar mengutamakan latihan dan pendidikan dalam koperasi mereka. Menerusi program ini juga, gerakan koperasi akan dapat mengenalpasti cabaran dalam memperkasakan latihan dan pendidikan dalam koperasi masing-masing.

Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat En Dennis Ngau, Ahli Dewan Undangan Negeri N67 Telang Usan. Dalam ucapan perasmian yang telah beliau sampaikan, beliau menyatakan latihan dan pendidikan merupakan salah satu aspek yang sangat penting dalam apa jua perkara yang diceburi. Dalam konteks koperasi, pemahaman terhadap prinsip, falsafah dan nilai koperasi akan mengukuhkan jatidiri kepimpinan dan anggota

dalam sesebuah koperasi. Menurut beliau lagi, sehingga penghujung tahun 2012, jumlah koperasi berdaftar di Malaysia adalah sebanyak 10,088 buah dengan keanggotaan seramai 7.14 juta orang. Jumlah keanggotaan yang besar ini sama ada disadari atau tidak merupakan aset modal insan yang paling penting bagi setiap koperasi. Sehubungan itu, adalah amat wajar sekali setiap koperasi memiliki pelan pembangunan latihan dan pendidikan koperasi bagi tujuan membangunkan modal insan, yakni anggota koperasi itu sendiri. Dengan adanya pelan pembangunan latihan dan pendidikan ini nanti, gerakan koperasi akan lebih mudah untuk merealisasikan misi dan visi koperasi seiring dengan matlamat penubuhannya. Beliau turut menyeru kepada anggota koperasi yang hadir agar merebut peluang dan ruang latihan yang telah disediakan oleh MKM kepada mereka. Terlebih dahulu, En Ngadi bin Robin, Pengarah MKM Cawangan Sarawak telahpun menyampaikan Ucapan Aluan. Antara tetamu jemputan rasmi yang turut hadir adalah Pn Lily Fawziah bt Adnan, Penolong Pengarah SKM Bahagian Miri.



Sebahagian besar peserta yang menghadiri Bicara Eksekutif

Forum Bicara Eksekutif pada kali ini telah dipengerusikan oleh En Mohamad Suandi bin Hj Mortadza, Pensyarah MKM Cawangan Sarawak. En Dilah bin Tuah, Pengurus Operasi Sedidik Miri yang juga merupakan Ahli Lembaga Koperasi PPKS Bhd telah membentangkan kertas beliau yang bertajuk Latihan & Pendidikan Koperasi Diperkasa Bukan Dipaksa. Antara isi kandungan kertas kerja beliau yang menarik dan telah dikongsi oleh beliau adalah mengenai perlunya pengurusan yang mengemudi koperasi mengutamakan kecekapan dalam mengurus perniagaan koperasi. Kecekapan akan hanya diperolehi menerusi latihan dan pendidikan yang berterusan. Setelah itu, En Frank Meol Abdullah, Pensyarah MKM Cawangan Sarawak telah memberikan Taklimat Latihan MKM sepanjang tahun 2013. Program pada kali ini telah berjaya menghimpunkan seramai 201 koperator dari seluruh bahagian Miri Sarawak. -Mohamad Suandi bin Hj Mortadza



Salah seorang peserta bertanyakan soalan berkenaan Program Latihan MKM 2013



En Mohamad Suandi bin Hj Mortadza (Pengerusi Forum Bicara Eksekutif) bersama En Dilah Tuah (kiri) dan En Frank Meol Abdullah (kanan)

Kunjungan Takziah

MKM CS UNTUK BEKAS PELAJAR DPK SESI JUN 2009



Bersabarlah, demikianlah yang mampu diungkapkan buat keluarga Allahyarham Mohd Faiz bin Idris bekas pelajar DPK sesi Jun 2009 yang terlibat dalam kemalangan jalan raya di Lebuhraya Pasir Gudang pada 12 Jun 2012 yang lepas.

Menurut bapa mangsa, kemalangan yang berlaku kepada anaknya adalah berpunca daripada pergeselan antara dua motosikal sebelum mangsa terjatuh di atas jalan raya dan maut dilanggar kereta. Ekoran daripada kemalangan itu, Allahyarham meninggal di tempat kejadian. Jenazah telah selamat dikebumikan kampung halamannya di Kota Tinggi.

Kunjungan takziah pada 13 Jun 2012 itu diketuai oleh Pengarah Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Selatan (MKM CS), Tn. Hj. Kasim Yusof bersama dua orang kakitangan MKM CS iaitu Cik Munirah Ab Hamid dan Cik Azwani Hanim. Sumbangan ikhlas dari pihak MKM telah dihulurkan kepada keluarga Allahyarham. Takziah dari seluruh warga MKM kepada keluarga Allahyarham semoga rohnyanya dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama orang-orang beriman. - *Munirah Ab Hamid*

Persembahan Amal :

*Teater Muzikal
Istikharah Cinta*

Pada 9 Oktober (Selasa) dan bertempat di Auditorium Abd Majid MKM, Kumpulan Seni Budaya (KSB) Maktab Koperasi Malaysia telah mengadakan satu program amal iaitu persembahan amal teater muzikal yang berunsurkan islamik dan bertajuk "Istikharah Cinta". Program ini juga merupakan aktiviti tahunan (KSB) dan tetamu istimewa pada malam tersebut adalah anak-anak dari Keluarga Besar Norlina Alawi Bhd.

Persembahan ini melibatkan 20 orang pelakon dan penyanyi oleh pelajar Maktab Koperasi Malaysia yang mana merupakan ahli kelab (KSB). Teater ini mengisahkan seorang gadis manis yang mencintai seorang jejaka yang baru pulang dari Mesir, yang mana kisah cinta mereka terhenti disebabkan oleh satu musibah, dengan itu, berlakunya kekeliruan dalam memilih pasangannya. Di samping itu, gadis tersebut telah memohon petunjuk dari Allah dengan melakukan solat istikharah dalam mencari pasangan hidupnya.

Kemuncak program ini, satu majlis penyampaian sumbangan hasil sebahagian jualan tiket teater ini diserahkan kepada mama Norlina yang merupakan pengasas Keluarga Besar Norlina Alawi. -*Alia Aneeqa*



Persembahan pembukaan dari kumpulan Dikir KSB



Persembahan kompong dari kumpulan kompong KSB



Salah satu babak dalam 'Istikharah Cinta'



Persembahan nasyid oleh pelajar MKM



Gambar kenangan bersama sebahagian daripada anak-anak Pn. Norlina Alawi



Para pelajar yang menyertai Persembahan Amal : Teater Muzikal 'Istikharah Cinta'

PROGRAM “TEAM BUILDING” PEMIMPIN PELAJAR MKM

Keindahan landskap dan kehijauan di Laman Nur Bistari menggamit hati pengunjung dan peserta kursus yang hadir di kawasan air terjun Ulu Yam tersebut. Pelbagai aktiviti indoor dan outdoor boleh dilakukan di kawasan tersebut. Rentetan itu, tempat ini telah dipilih bagi menjalankan program “Team Building” pemimpin dan pelapis pemimpin pelajar MKM seramai 40 orang. Walaupun kehadiran peserta diiringi dengan hujan lebat sepanjang hari, ianya tidak mematahkan semangat para urus setia dan peserta program bagi meneruskan program yang dirancang selama 2 hari 1 malam ini. Disebabkan cuaca hujan sejak awal pagi memaksa segala program dijalankan didalam dewan yang terletak di atas tasik yang indah termasuk memasak untuk makan tengah hari. Walaupun kelengkapan memasak yang serba kekurangan dan perancangan awal terpaksa diubah, ianya tidak mematahkan semangat para urus setia terutamanya dalam menyediakan makan tengah hari. Di sinilah objektif program ini terseluh apabila urus setia dan peserta bekerjasama dalam memastikan kelancaran program. Sepanjang program ini para peserta akan tidur dalam khemah dan terpaksa memasak sendiri bagi mengalas perut pada setiap hari. Walaupun hanya nasi putih berlaukkan hot dog celur, sardin dan kubis goreng menjadi santapan makan tengah hari para peserta dan urus setia pada hari itu ianya tetap menjadi hidangan yang enak apabila dimakan bersama-sama ibarat kata pepatah “sedikit sama dirasa”.

Setelah hujan reda pada sebelah petangnya, agihan tugas mula dilakukan yang mana sebahagiannya mencari kayu api, menyediakan minum petang, memasang khemah dan

“ Tugas mencabar amat terasa apabila setiap kumpulan terpaksa bertungkus-lumus menyalakan kayu api yang basah untuk dijadikan kayu api ibarat pepatah “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”. Segala perkara yang sukar akan menjadi mudah apabila segala perkara dibuat bersama secara teratur dan kreatif ”

sebahagian lagi membasuh dan memerap ayam, menu bagi makan malam. Walaupun program kelihatan santai, namun ianya mengajar setiap peserta yang terlibat untuk berdikari dan bekerjasama. Seandainya tiada persefahaman dan toleransi antara kumpulan, pastinya kelaparan yang mereka dapat pada malam tersebut. Tugas mencabar amat terasa apabila setiap kumpulan terpaksa bertungkus-lumus menyalakan kayu api yang basah untuk dijadikan kayu api ibarat pepatah “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”. Segala perkara yang sukar akan menjadi mudah





Persembahan pelajar

apabila segala perkara dibuat bersama secara teratur dan kreatif. Di sinilah kemahiran kepimpinan para peserta diuji. Pembahagian tugas yang teratur dan disiplin diri amat penting bagi memastikan kelancaran setiap aktiviti yang dilakukan.

Pada sebelah malam diadakan persembahan kebudayaan, walaupun masa yang diberikan amat singkat, namun setiap kumpulan mampu mempersembahkan lakonan yang mencuit hati bersesuaian dengan tema persembahan iaitu sudu, gong, penyapu, kualiti dan periuk. Kalau tidak dipecahkan ruyung bagaimana nak dapatkan sagunya, begitulah kreativiti dan keyakinan diri setiap pemimpin pelajar ini digilap dan dicungkil pada malam tersebut. Selain pengisian ilmu duniawi, tidak dilupakan juga pengisian rohani dan agama diterapkan, solat berjemaah setiap waktu solat dan qiamullail menjadi agenda utama program ini. Selain menjadi pemimpin pelajar, para pelajar lelaki juga berkebolehan menjadi iman yang baik setiap kali waktu solat.

Pada hari terakhir, selepas selesai menjalankan tanggungjawab sebagai seorang muslim, para pelajar bergotong-royong menyediakan sarapan dan pada jam



Gotong-royong menyediakan makanan tengahari



Aktiviti latihan dalam kumpulan



Aktiviti senaman aerobik

7.30 pagi aktiviti senam pagi diadakan. Walaupun penat dengan aktiviti berkayak dan *explorace* pada hari terakhir, namun pengalaman dan kenangan yang manis akan terus tersemat di hati setiap pelajar yang terlibat. Kerjasama, persefahaman, tolak-ansur, keyakinan diri, kreativiti dan semangat kasih sayang secara tidak langsung dapat dipupuk melalui program ini. Semoga persahabatan yang terjalin selama berada di kem akan terus berkekalan dalam sanubari pemimpin pelajar MKM ini dalam meningkatkan martabat MKM di mata dunia. -Norsyeirawani Shari





Program Kursus Motivasi Pelajar Diploma Pengurusan Koperasi Semester 3 & 5

Pada 11-13 Julai 2012, Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi Maktab Koperasi Malaysia telah menganjurkan program Kursus Motivasi Pelajar di Kem Nur Laman Bestari, Ulu Yam. Seramai 47 orang pelajar yang terdiri daripada 24 orang pelajar semester 3 dan 33 orang pelajar semester 5 menjalani program motivasi ini. Fasilitator yang terlibat dalam menjayakan program ini ialah Cik Wan Rasyidah Wan Musa, Cik Siti Hajar binti Saey dan Cik Nazirah Baharuddin. Selain daripada itu juga program ini turut dibantu oleh dua orang pegawai sokongan iaitu En. Jamil Azmal bin Abd Rani dan En. Fairuz bin Tulus.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran kepada para pelajar tentang peranan dan tanggungjawab yang seharusnya dipikul sebagai seorang pelajar. Kem motivasi ini turut diberi nama sebagai 'Kem Tarbiyah' kerana pendekatan yang digunakan menyentuh soal-soal agama yang harus dititikberatkan oleh para pelajar khususnya dalam mendapat keberkatan hidup. Kem motivasi ini turut dimuatkan dengan aktiviti lasak seperti *flying fox* dan *mud spa* untuk meningkatkan daya

ketahanan dan keyakinan para pelajar, aktiviti, *treasure hunt*, dan *Hakka* adalah bertujuan untuk memupuk semangat bekerjasama dalam melakukan aktiviti-aktiviti berkumpulan, aktiviti kawad kaki dalam mendisiplinkan para pelajar, aktiviti *I Love You* dan *Ayo Chi Ku Pak* pula bertujuan untuk melatih para pelajar supaya memberi sepenuh perhatian dalam mendengar arahan dan peka kepada perubahan persekitaran. Aktiviti *jungle trekking* pula membolehkan para pelajar untuk mematuhi segala arahan dan panduan agar berada pada landasan yang betul di samping mendidik sifat syukur atas segala nikmat kurniaan yang Allah SWT berikan.

Secara keseluruhannya, kem motivasi pelajar ini adalah bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada para pelajar tentang pentingnya berubah dan bertindak sekarang demi masa depan yang cemerlang. Program ini turut melatih pelajar meningkatkan pengurusan diri dan masa, di samping meningkatkan keyakinan diri pelajar dan membentuk peribadi yang mulia. -Wan Rasyidah Wan Musa



Aktiviti 'Mud Spa'



Aktiviti berkumpulan

CERAMAH KESIHATAN : BAHAYA AIDS & HIV

...Ceramah sebegini mampu membuka minda pelajar dalam mengharungi kehidupan di kota metropolitan yang serba moden ini...

Dalam usaha mencegah gejala tidak sihat daripada menular di kalangan pelajar MKM, pelbagai langkah awal diambil oleh Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi. Pada 10 Oktober 2012, bertempat di Bilik Cenderawasih, telah berlangsung ceramah kesihatan berkaitan bahaya AIDS dan HIV yang disampaikan oleh Dr. Kalaivani dari Kementerian Kesihatan Malaysia. Program ini merupakan program kerjasama dengan Agensi Anti Dadah Petaling Jaya. Pelajar yang terlibat adalah pelajar semester 1 Diploma Pengurusan Koperasi seramai 119 orang. Pelbagai pengisian dan pendedahan dikongsi bersama

pelajar yang hadir terutama bagaimana AIDS dan HIV ini boleh berjangkit/merebak. Ceramah sebegini mampu membuka minda pelajar dalam mengharungi kehidupan di kota metropolitan yang serba moden ini. Selepas tamat ceramah, 60 orang pelajar yang dipilih secara rawak menjalani ujian saringan urin. Pemeriksaan secara berkala kali ke-4 ini dijalankan bagi memastikan mahasiswa MKM tidak terjebak dengan najis dadah. Keputusan ujian menunjukkan negatif yang mana semua pelajar yang diuji bersih daripada dadah.
- Norsyeirawani Shari

SEMINAR PELAJAR : "MENJEJAK KECEMERLANGAN"

Pada 17 Oktober 2012, bertempat di Auditorium Dato' Abdul Majid, telah diadakan seminar pelajar yang bertajuk "Menjejak Kecemerlangan". Seramai 250 pelajar BBA dan DPK yang terlibat dalam seminar ini. Tujuan program ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan kepada pelajar dalam mempelajari teknik belajar yang berkesan, memberi kesedaran tentang kepentingan menjadi pelajar yang cemerlang sama ada dalam akademik mahupun sahsiah peribadi. Tiga orang penceramah yang pakar dalam bidang masing-masing telah dijemput bagi mengisi setiap slot tersebut. Slot 1 : Belajar relaks, *Exam Steady* dan *Result Gempak*; Apa Rahsia Pelajar *Genius*? disampaikan oleh Dr Shukri Abdullah, Penceramah Bijak Belajar. Penyampaian yang bersahaja beliau mampu memukau para pelajar yang hadir bagi memahami dan mendalami teknik pembelajaran yang betul bagi mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang.

Pengisian slot 2 pula disampaikan oleh Ustaz Mohd Hariri Mohamad Daud dengan tajuk "Sahsiah Diri Pelajar Hebat". Pengalaman luas beliau sebagai seorang pemedato kebangsaan dan pengacara tilawah Al-Quran peringkat kebangsaan 2012 mampu mencuit hati para pelajar yang tidak kering gusi dan pelbagai informasi semasa dikongsi bersama. Kepelbagaian penyampaian beliau dalam mengupas tajuk yang diberikan mampu membuat pelajar terleka sehingga 2 jam masa berlalu tanpa disedari. Mempunyai sahsiah hebat sebenarnya dituntut dalam Islam, itulah yang ditekankan oleh beliau sepanjang slot tersebut.

Kemuncak seminar pelajar pada kali ini amat dinantikan oleh setiap peserta yang hadir, termasuk warga MKM, Penceramah hebat yang sering kali muncul di kaca-kaca televisyen Malaysia ini sememangnya menjadi idola kebanyakan masyarakat di Malaysia. Kesudian Dr. Robiah K. Hamzah, mengisi slot 3 iaitu dengan tajuk "Keterampilan Diri Pelajar Cemerlang" menjadi penutup tirai seminar pelajar pada tahun 2012. Sikap bersahaja beliau dalam mengupas tajuk keterampilan diri sememangnya amat dikagumi para hadirin yang hadir. Walaupun jam menunjukkan jam 2.30 petang, namun semua perasan mengantuk dan bosan tidak

wujud sama sekali. Kegamatan dengan gelak tawa di dalam dewan menunjukkan peserta yang hadir amat teruja dengan apa yang disampaikan oleh Umi Robiah sehingga masa yang berlalu terasa amat singkat.

Berdasarkan maklum balas daripada pelajar yang terlibat, seminar pelajar pada tahun ini menjadi platform transformasi pemikiran pelajar yang selama ini agak konservatif kepada pemikiran yang lebih terbuka dan berwawasan. Manusia merupakan ciptaan Allah yang paling sempurna, oleh yang demikian tiada istilah bodoh dan tidak pandai dalam diri seseorang manusia itu. Semua mampu dan boleh berjaya asalkan tahu cara dan jalannya. -Norsyeirawani Shari



Sesi ceramah daripada Dr. Robiah K. Hamzah



Penyampaian cenderamata kepada penceramah oleh Pengarah Pusat ANTARABANGSA



Aktiviti menggunting rambut



Persembahan para pelajar

PROGRAM TITIAN KASIH

Dalam kesibukan menuntut ilmu sebagai seorang mahasiswa, tidak menghalang ahli Kumpulan Seni Budaya (KSB) MKM, menghulur bantuan dan menyumbang bakti kepada mereka yang memerlukan. Dengan kerjasama Rumah Sinar Salam satu program khidmat komuniti "Titian Kasih" telah dijalankan pada 29 September 2012 berdekatan Maju Junction. Seramai 50 orang pelajar dan 10 orang kakitangan MKM terlibat pada malam tersebut. Pelbagai aktiviti dijalankan pada malam tersebut seperti persembahan kompang, tarian, busking, kuiz, mengedarkan makanan dan minuman, pakaian serta menggunting rambut secara percuma kepada penghuni jalanan yang menetap di sekitar jalan tersebut.



Agihan bantuan

Program pada malam tersebut juga dimeriahkan dengan kehadiran sukarelawan dari Hari Tanpa Lapar yang turut serta mengagihkan makanan yang telah disediakan oleh KSB dan sumbangan dari JAWI. Program ini dilaksanakan bagi memupuk semangat kasih sayang pelajar dengan masyarakat luar, memupuk rasa syukur dengan berkongsi rezeki yang ada dan menghiburkan mereka dengan aktiviti nyanyian, kompang dan tarian. Walaupun program ini hanya sekejap, namun manfaatnya kepada pelajar yang terlibat amat besar dalam memahami erti kehidupan sebenar.

untuk perbaiki diri serta bersyukur dengan kurniaan tuhan. Diharapkan program seperti ini dapat diadakan lagi agar pelajar MKM dapat melihat sendiri kehidupan mereka yang kurang bernasib baik di luar sana.

- Norsyeirawani & Nur Hamidah

Program berakhir pada jam 11 malam, ketika itu kebanyakan golongan gelandangan telah meninggalkan tempat program serta ada juga yang mencari tempat untuk merehatkan diri. Mereka tidur di kaki lima bangunan dengan beralaskan kotak. Puluhan hati apabila melihat keadaan mereka, timbul keinsafan pada diri



Persembahan kompang

**LAWATAN KE RUMAH
EHSAN KUALA KUBU
BHARU
03.09.2012**



**RUMAH EHSAN
KUALA KUBU BHARU**
BERSAMA SAMA MELAKSANAKAN HALALAH
KE SUKSESAN BERKUALITI DAN BERKESAMA SAMA
BERSAMA SAMA MELAKSANAKAN HALALAH
BERSAMA SAMA MELAKSANAKAN HALALAH





MAJLIS RAMAH MESRA BERSAMA YB MENTERI PDNKK

28.08.2012





KELAB SUKAN DAN SOSIAL MKM OKTOBER 2012





**MAJLIS SEKALUNG
BUDI PUAN HAJJAH
SITI FATIMAH
SAJADI
20.07.2012**



Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Dengan Kepujian (Bidang Tumpuan) Pengurusan Koperasi MKM-UUM



PEMBIAYAAN

- Pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
- Lain-lain pinjaman – Yayasan Negeri, Bank Rakyat dan lain-lain

JANGKA MASA PENGAJIAN

Sepenuh masa:
4 tahun @ 8 semester

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

**31 Disember
2012**

CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat secara online melalui laman web MKM di alamat <http://www.mkm.edu.my>. Borang permohonan juga boleh dimuat turun dan dicetak.

KUMPULAN SASARAN

- Individu lepasan Matrikulasi, STPM, STAM, Diploma
- Tenaga Kerja Pengurusan Koperasi dan anggota koperasi
- Pegawai-pegawai jabatan/agensi kerajaan yang mengawal selia koperasi
- Pegawai-pegawai jabatan/agensi kerajaan atau swasta

KELAYAKAN KEMASUKAN AM

- Lulus SPM/setaraf dengan baik
- Kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia di peringkat SPM/setaraf atau kepujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai dan
- Lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM/setaraf dan
- Lulus mata pelajaran Matematik/Matematik Tambahan/Prinsip Akaun/Perdagangan di peringkat SPM/setaraf atau Matematik Kertas Julai dan
- Lulus STPM dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan mendapat sekurang-kurangnya

- Gred (NCMP 2.00) dalam mata pelajaran pengajian am dan
- Gred (NCMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain atau

- Mendapat sekurang-kurangnya peringkat Jayyid dalam peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau

- Mempunyai kelayakan Diploma yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia dan Senat Universiti dengan kelayakan yang baik dan ada kaitan dengan program yang ditawarkan dan
- Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysia University English Test (MUET).

YURAN PENGAJIAN

- Pemimpin/tenaga kerja koperasi dan pegawai kerajaan yang menyelia koperasi, anggota dan anak anggota pergerakan koperasi : RM6,645.00
- Individu biasa : RM17,205.00

PERTANYAAN

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Urus setia
Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Dengan Kepujian (Bidang Tumpuan) Pengurusan Koperasi (MKM-UUM)
Pusat Antarabangsa & Pendidikan Tinggi
Maktab Koperasi Malaysia
No. 21, Jalan Selangor, Seksyen 6
46050 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
No. Tel : +6 03 7952 4500
No. Faks : +6 03 7955 0863
E-mel: antarabangsa@mkm.edu.my
Laman web: <http://www.mkm.edu.my>





Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Koperasi) MKM-OUM



KUMPULAN SASARAN

Terbuka kepada koperator, kakitangan koperasi, pegawai kerajaan yang mengawal selia koperasi yang bekerja dan tidak mempunyai masa untuk melanjutkan pelajaran secara sepenuh masa. Di samping itu program ini juga terbuka kepada masyarakat umum yang berminat untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang koperasi.

JANGKA MASA PENGAJIAN

Program e-PJJ ini menggunakan sistem trimester (3 semester untuk 1 tahun akademik) yang memerlukan pelajar untuk sekurang-kurangnya menjalani pengajian selama 4 tahun atau bersamaan 12 semester.

KELAYAKAN KEMASUKAN AM

Syarat Kemasukan Biasa

- Lulus SPM/SPMV dengan dua kepujian dan lulus STPM/HSC dengan 2 prinsipal atau setaraf dengannya.
- Mempunyai diploma yang diiktiraf dan sijil matrikulasi.

SYARAT KEMASUKAN FLEKSIBEL

Kriteria Kemasukan Fleksibel telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi adalah seperti berikut:

Program Sarjana Muda, pemohon memerlukan:

- Berusia 21 tahun pada 1 Januari pada tahun permohonan;
- Lulus PMR/SRP/LCE atau setaraf dengannya; dan
- Berpengetahuan dan berpengalaman kerja dalam bidang yang berhubung kait dengan program yang dipohon.
- Lulus penilaian kemasukan fleksibel.

KOS PENGAJIAN 4 TAHUN ATAU 12 SEMESTER

Perkara	Kadar Yuran (RM)
Yuran Per Jam Kredit	207
Yuran Pengajian 40 Subjek atau 120 Jam Kredit	24,840
* Diskaun 20 % untuk peserta dari gerakan koperasi	

PEMBIAYAAN

Pembiayaan untuk pengajian boleh diperolehi daripada KWSP, PTPN dan bank. Tertakluk kepada sebarang perubahan dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON

Pemohonan boleh dibuat secara *online* di laman web OUM (<http://www.oum.edu.my>). Borang yang lengkap perlu disimpan dalam format PDF dan e-melkan kepada antarabangsa@mkm.edu.my

MAKLUMAT LANJUT:

Urus Setia BBA E-PJJ (MKM-OUM)
Pusat Antarabangsa & Pendidikan Tinggi
Maktab Koperasi Malaysia
No. 21 Jalan Selangor
Seksyen 6
46050 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.
Tel : +603 7952 4500
Faks : +603 7955 0863
E-mel: antarabangsa@mkm.edu.my
Laman web: <http://www.mkm.edu.my>

Sijil Pengurusan Koperasi e-PJJ

PENGAMBILAN

SEPTEMBER
Setiap Tahun

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

15 SEPTEMBER
Setiap Tahun

OBJEKTIF PROGRAM

- Memantapkan kefahaman peserta mengenai koperasi dari segi konsep, falsafah, prinsip, pentadbiran, pengurusan serta perundangan koperasi.
- Memberi keyakinan diri kepada peserta dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dalam koperasi
- Membolehkan peserta meningkatkan kemahiran penganalisisan dan membuat perancangan strategik bagi meningkatkan daya saing koperasi

KELAYAKAN MASUK

- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM/SPMV atau setarafnya) dengan kredit dalam 2 mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan lulus Matematik ATAU dan 1 mata pelajaran lain): atau
- Matematik ATAU Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM/SPMV atau setarafnya) dan 3 tahun pengalaman dalam bidang pengurusan dan pentadbiran koperasi.

SASARAN PESERTA

- Pemimpin-pemimpin Koperasi, anggota Koperasi, tenaga kerja sokongan koperasi dan Jabatan/Agensi Kerajaan/Swasta serta individu lepasan SPM yang bekerja dan tidak mempunyai masa untuk melanjutkan pelajaran secara sepenuh masa di samping itu program ini juga terbuka kepada semua masyarakat umum yang berminat

JANGA MASA PENGAJIAN

- Program e-PJJ ini menggunakan sistem trimester (3 semester untuk 1 tahun akademik) yang memerlukan pelajar untuk sekurang-kurangnya menjalani pengajian selama satu tahun lapan bulan hingga dua tahun.

YURAN PENGAJIAN

- Peserta dari gerakan koperasi dikenakan yuran sebanyak RM1,440 untuk keseluruhan 6 semester atau RM240 untuk satu semester.
- Peserta dari bukan gerakan koperasi dikenakan yuran keseluruhan sebanyak RM3,530.00.

CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat secara online melalui laman web MKM di alamat <http://www.mkm.edu.my>.

PERTANYAAN

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Urus setia,
Program Sijil Pengurusan Koperasi e-PJJ
Maktab Koperasi Malaysia
Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi
No. 21, Jalan Selangor
46050 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03 – 7952 4500
Faks : 03 – 7955 0863
E-mel: antarabangsa@mkm.edu.my



Pengambilan JUN
setiap tahun

Jangka Masa Pengajian
2 ½ Tahun (5 Semester)

Tarikh Tutup
Permohonan
15 JUN setiap tahun

Diploma Pengurusan Koperasi (Sepenuh Masa)

OBJEKTIF PROGRAM

- Untuk memantapkan kefahaman mengenai koperasi dari segi konsep, falsafah, prinsip dan perundangan
- Untuk melengkapkan pelajar dengan teknik-teknik dan kemahiran pengurusan koperasi khususnya dari segi pembentukan dan pelaksanaan strategi-strategi perniagaan dengan berteraskan prinsip-prinsip dan perundangan koperasi.
- Untuk membolehkan pelajar meningkatkan kemahiran menganalisis dan membuat keputusan di dalam perancangan dan pengurusan organisasi.

KUMPULAN SASARAN

- Pemimpin-pemimpin koperasi
- tenaga kerja pengurusan koperasi
- Pegawai-pegawai dari Jabatan/ Agensi yang mengawasi koperasi
- Pegawai-pegawai dari Jabatan/mana-mana agensi kerajaan atau swasta
- Lulusan SPM/STPM

KELAYAKAN MASUK

- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan sekurang-kurangnya 3 kredit (Bahasa Melayu, Matematik dan 1 mata pelajaran lain); atau
- Kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.

Yuran Pengajian bagi 5 semester	RM4,500.00
Kemudahan asrama	Disediakan dengan kadar bayaran ditetapkan.
Pembiayaan	Skim Pinjaman Pendidikan MKM, Yayasan Negeri, Bank Rakyat, dan lain-lain).

CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat secara online melalui laman web MKM di alamat <http://www.mkm.edu.my>. Borang permohonan juga boleh dimuat turun dan dicetak.

PERTANYAAN

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Urus setia
Diploma Pengurusan Koperasi
Maktab Koperasi Malaysia
Pusat Antarabangsa & Pendidikan Tinggi
No. 21, Jalan Selangor
46050 Petaling Jaya, Selangor
Tel : 03-7952 4500
Faks : 03-7955 0863
E-mel: mkm@mkm.edu.my





Sertai
Komuniti
Kami!



Maktab Koperasi Malaysia
Pusat Latihan Koperasi No. 1 Di Malaysia

